

PANDUAN
Perpustakaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sesi 2007-2008



Pegawai Utama Perpustakaan UKM

Berdiri Dari Kiri Ke Kanan: En. Wan Suhaimi Ariffin (Timbalan Ketua Pustakawan), Pn. Noraini Omar (Ketua Perpustakaan Undang-Undang), Pn. Lela Ruzma Mohd Shaari (Ketua Bahagian Pengurusan Jurnal & Jilidan), Pn. Aripah Mohamed (Ketua Perpustakaan ATMA),

En. Tusiman Mingun (Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan)

Duduk Kiri Ke Kanan: Pn. Hafisah Mohd (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan), Pn. Maimunah Kadir (Ketua Perpustakaan HUKM), En. Abu Bakar Maidin (Ketua Pustakawan), Pn. Faizah Md. Zain (Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff)

PANDUAN
Perpustakaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sesi 2007-2008

Perpustakaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi i 2007
<http://www.ukm.my/library>

Cetakan / *Printing*

Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007

Pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedaya upaya sudah memastikan bahawa Buku Panduan ini adalah tepat pada masa diterbitkan. Buku ini bermaksud untuk memberikan panduan kepada mahasiswa/pelanggan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PERPUSTAKAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor D. E., Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

FKZ Printing Sdn Bhd

No. 75 Jalan Utama 2/22, Maju Jaya Industrial Park,

47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Tel/Faks: 03-8061 6352

E-mel: fkzprinting@yahoo.com

Semua pertanyaan hendaklah diajukan kepada:

Ketua Pustakawan

Telefon: 03-8921 5031/ 03-8921 3446

Faks: 03-8925 6067

E-mel: kpustaka@ukm.my

ISSN: 1675-5812



Ucapan Tun Abdul Razak di Konvokesyen Pertama UKM, 1973

Ucapan Tun Abdul Razak di Konvokesyen Pertama UKM, 1973

(Ucapan Tun Abdul Razak di Konvokesyen Pertama UKM, 1973)

Maksud Logo UKM

Logo UKM ialah sebuah perisai yang berpetak empat. Tiap-tiap petak mengandungi gambar dan membawa maksud-maksud tertentu.

Buku

Buku melambangkan ilmu pengetahuan iaitu peranan utama UKM sebagai pusat pengajian tinggi dan penyelidikan.

Perisai

Perisai bererti keteguhan. Keteguhan yang dimaksudkan ialah kemampuan UKM memainkan peranan sebagai pusat pengajian tinggi di negara ini.

Harimau

Harimau melambangkan keberanian dan kegagahan. Harimau mencerminkan masyarakat Malaysia yang berteraskan kebudayaan Melayu. Harimau garang menggambarkan kesediaan dan keupayaan UKM mara memerangi kejahatan, kejahatan dan kepalsuan.

Atom dan Teknologi

Simbol-simbol atom dan teknologi melambangkan konsep pembangunan negara yang berlandaskan sains dan teknologi moden. UKM sebagai pusat ilmu bertanggungjawab mengeluarkan tenaga-tenaga mahir dalam semua bidang untuk memenuhi keperluan pembangunan negara.

Bunga Raya

Bunga Raya adalah bunga kebangsaan Malaysia. Lima helai ranggi melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang diamalkan dan sentiasa dipelihara oleh rakyat Malaysia.

Kandungan

Kata Alu-Aluan Naib Canselor	9
Kata Alu-Aluan Ketua Pustakawan	10
Pengenalan	11
Jawatankuasa Perpustakaan	12
Pegawai Ikhtisas	14
Misi, Dasar Kualiti dan Piagam Pelanggan	19
Katalog Perpustakaan	20
Petunjuk Lokasi	21
Tatatertib Perpustakaan	22
Perpustakaan Tun Seri Lanang	
Pengenalan	25
Waktu Pembukaan	25
Keahlian Perpustakaan	26
Perkhidmatan	28
Pinjaman	28
Tempahan	29
Sistem Pembekalan Penerbitan	29
Perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat	29
Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik	29
i Katalog Awam Dalam Talian	29
i Tapak Web	29
i Koleksi Digital UKM	30
i Pangkalan Data Dalam Talian	30
i Portal E-Jurnal	31
i Internet	31
Perkhidmatan Bimbingan dan Pendidikan Pelanggan	31
Perkhidmatan Media	31
Perkhidmatan VCD	31
Penerbitan Perpustakaan	32
Pameran	32
Galeri UKM	32
Koleksi Bahan Perpustakaan	33
Koleksi Am	33

Koleksi Arab dan Tamadun Islam	33
Koleksi Asia Tenggara	33
Koleksi Seminar dan Tesis	33
Koleksi Dokumen	33
Koleksi Arkib UKM	34
Koleksi Khas	34
Koleksi Rujukan	34
Koleksi Tanda Merah	34
Koleksi Haram	34
Koleksi Sudut Bacaan Ringan	35
Koleksi Pasca Siswazah	35
Koleksi Jurnal	35
Koleksi Media	35
Pengkelasan Bahan Perpustakaan	36
Nombor Panggilan	37
Kemudahan Perpustakaan	38
Ruang Bacaan	38
Bilik Tayangan	38
Bilik Karel/Perbincangan	38
Salinan Foto	38
Salinan Bahan Mikro	38
siber@ptsl	38
Ruang Membaca Di Dataran Tun Seri Lanang	38
Lokar	38
Perpustakaan-Perpustakaan Cabang	
Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu	41
Perpustakaan Undang-Undang	47
Perpustakaan Dr. Abdul Latiff	55
Perpustakaan Hospital UKM	63
Direktori Aras Perpustakaan Tun Seri Lanang	69
Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan	70
Perpustakaan 2007-2008	



Kata Alu-aluan Naib Canselor

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera,

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para pelajar yang terpilih melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjanamuda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Saya bagi pihak seluruh warga UKM mengucapkan selamat datang ke UKM dan berharap saudara dan saudari mengambil setiap peluang ketika berada di Universiti untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dalam bidang masing-masing sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah.

UKM bertekad untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja berkeترampilan dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai ciri-ciri seperti kebolehan berkomunikasi dan berkepimpinan sebagai persediaan untuk menghadapi persaingan dunia luar yang semakin kompleks. Sehubungan itu, Universiti melalui Fakulti, Jabatan Hal-ehwal Pelajar, Pusat Perkembangan Pelajar, kolej kediaman dan persatuan pelajar menyediakan pelbagai program yang boleh memberikan pengetahuan serta kemahiran baru yang amat berguna untuk saudara dan saudari menempuhi alam pekerjaan kelak sebagai rakyat yang bertanggungjawab.

Untuk membantu pelajar mencapai matlamat pendidikan, UKM sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan perkhidmatan sokongan pelajar dan prasarana agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan seiring keperluan semasa. Kemudahan ini termasuklah perpustakaan, makmal, kolej kediaman, kompleks sukan dan rekreasi, sistem pengangkutan, kemudahan perbankan, internet dan perkhidmatan kesihatan, perubatan dan kaunseling. Di harap kemudahan dan perkhidmatan ini dapat menyumbang kepada kehidupan di kampus yang lebih seimbang dan lengkap.

Sebagai warga Universiti, saudara dan saudari perlu bergerak seiring dengan falsafah, misi dan wawasan UKM dan sentiasa menjaga imej Universiti. Saya juga berharap agar saudara dan saudari dapat menjadikan UKM sebagai wadah untuk terus maju dalam semua aspek kehidupan dan bidang yang diceburi kelak.

Sekian.

Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia



Kata Alu-aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh / Salam Sejahtera

Saya bagi pihak seluruh warga Perpustakaan, mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan saudara/saudari menjadi warga UKM sama ada sebagai pelajar mahupun kakitangan UKM dan sekaligus menjadi ahli Perpustakaan UKM. Sebagai ahli Perpustakaan UKM, saudara layak menggunakan semua perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan induk Perpustakaan Tun Seri Lanang dan perpustakaan-perpustakaan cabang yang terdiri dari Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Perpustakaan Undang-undang, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff dan Perpustakaan Hospital UKM. Perpustakaan UKM menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan kepada warga UKM untuk memenuhi keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan.

Perpustakaan UKM merupakan khazanah ilmu yang menyediakan pelbagai bahan rujukan dalam pelbagai bidang dan media sama ada bercetak, digital dan sebagainya. Dalam perkhidmatan maklumat digital, Perpustakaan melanggan pelbagai judul pangkalan data elektronik yang memberi akses kepada lebih 10,000 judul jurnal secara teks penuh dan boleh diakses melalui rangkaian Internet.

Saudara/i sangat digalakkan mengikuti kursus-kursus kemahiran maklumat yang telah disusun khusus untuk semua peringkat sama ada di peringkat pra-siswazah mahupun siswazah lanjutan. Tujuan kursus seumpama ini adalah untuk membina kemahiran dan keyakinan saudara/i dalam mencari maklumat dari pelbagai sumber dengan berkesan. Melalui kursus-kursus yang merentasi bahan, disiplin pengajian dan kaedah pengaksesan, saudara/i akan menjadi lebih yakin dalam memperolehi maklumat untuk penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sebagai salah sebuah perpustakaan akademik yang berwibawa, kami beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Kepuasan pelanggan adalah matlamat kami dan Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat adalah slogan kami.

Abu Bakar Maidin
Ketua Pustakawan
Perpustakaan UKM
kpustaka@ukm.my

Pengenalan

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Perpustakaan Tun Seri Lanang ialah Perpustakaan Induk di kampus utama Bangi dan kemudahan-kemudahan perpustakaan juga disediakan di empat Perpustakaan Cabang yang terdiri daripada Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (Bangi), Perpustakaan Undang-Undang (Bangi), Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (Kuala Lumpur) dan Perpustakaan Hospital UKM (Cheras).

Perpustakaan Tun Seri Lanang mempunyai keluasan lantai 220,000 kaki persegi, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu 10,000 kaki persegi, Perpustakaan Undang-Undang 24,600 kaki persegi, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff 40,000 kaki persegi dan Perpustakaan HUKM 20,000 kaki persegi.

Koleksi Perpustakaan UKM sehingga 31 Disember 2006 adalah **1,346,021** naskhah bahan yang terdiri daripada buku, majalah berjilid dan bahan media. Daripada jumlah ini **657,292** adalah buku dan majalah berjilid di Perpustakaan Tun Seri Lanang, **47,906** di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, **58,339** di Perpustakaan Undang-Undang, **119,988** di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff dan **54,080** di Perpustakaan HUKM. Jumlah keseluruhan bahan media ialah sebanyak **408,416** salinan.

Perpustakaan UKM mula menggunakan Sistem Komputer Perpustakaan Bersepadu DOBIS/LIBIS mulai tahun 1991 dan pada pertengahan tahun 1999, Perpustakaan UKM berhijrah ke Sistem Perpustakaan Bersepadu VIRTUA. Mulai Januari 2003, sistem Koleksi Digital UKM yang menggunakan perisian Content Manager mula digunakan bagi pengindeksan dan pembinaan pangkalan data berteks penuh.

Jawatankuasa Perpustakaan

Pengerusi

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani

Timbalan Naib Canselor

Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa

Ahli (Wakil Senat dan Wakil-wakil Fakulti)

Fakulti Undang-Undang

Prof. Dr. Kamal Halili Hassan

Fakulti Ekonomi & Perniagaan

Dr. Noor Azuddin Yakop

Fakulti Pengajian Islam

Prof. Madya Dr. Siti Rogayah Hj. Tibek

Pusat Pengajian Siswazah

Prof. Dr. Fauzias Mat Nor

Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu

Prof. Dr. Norhani Mohidin

Fakulti Kejuruteraan

Dr. Nurina Anuar

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan

Dr. Tang Siew Mun

Fakulti Pendidikan

Cik Hajah Halimah Haron

Fakulti Perubatan

Prof. Madya Dr. Marlyn Mohammad

Fakulti Pergigian

Prof Madya Dr. Roslan Abd. Rahman

Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Wickneswari Ratnam

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Encik Mohd. Hazali Mohd. Halip

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Prof. Dr. Mazlin Mokhtar

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

Prof. Madya Dr. Noriah @ Jariah Mohamed

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)

En. Mohd. Nazlie Syahzeer Salleh

Jabatan Bendahari

Puan Rabaiah Hj. Arham

Hospital UKM

Puan Lim Ai Loon

Setiausaha

Ketua Pustakawan

Encik Abu Bakar Maidin

Pegawai Ikhtisas

Pejabat Ketua Pustakawan

Ketua Pustakawan

Encik Abu Bakar Maidin

*MS (UPM), Sm.Sn. (UKM), Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM),
Dip. Islam (UKM)*

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Puan Hafsa Mohd

MLS (Louisiana), B.Sc. (Northern Illinois), Dip. P. Islam (UKM)

Bahagian Pentadbiran dan Kualiti

Ketua

Puan Zaidah Sulaiman

Postgrad. Dip.Lib. & Information Science (ITM), B.Sc. Food Technology (UPM)

Penolong Pendaftar

Encik Kamaruddin Abdollah

*Sarjana Peningkatan Kualiti & Produktiviti (UKM), Sarjana Muda Komunikasi
& Persuratan Melayu (UKM)*

Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Ketua

Encik Tusiman Mingun

Postgrad. Dip.Lib. & Information Science (ITM), B.A.(Hons.) (UM)

Pustakawan

Puan Asmany Aza Ahmad

*M.A. Librarianship (University of Sheffield), B.Sc. (Hons.) Information Studies
(UiTM)*

Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan

Ketua

Puan Mazni Hj. Md. Yusof

*M.A. Information & Management (University of Loughborough), B.A.(Hons.),
Library Science (U.Indonesia)*

Pustakawan

Encik Shamsudin Ibrahim

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Cik Rohalia Mohd Rohani

B.Sc.(Hons.) Information Studies (UiTM)

Bahagian Perkhidmatan Maklumat

Ketua

Puan Azmah Ishak

Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), B.Sc.Agriculture (UPM)

Pustakawan

Puan Shaizimah Badzri

B.Sc.(Hons.) Library Science (UiTM)

Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat

Ketua

Cik Rohaya Umar

MS (UPM), Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), Sm.PI (UKM)

Pustakawan

Encik Azman Idris

S.Sn. (UKM), Dip.Lib.Sc. (ITM)

Bahagian Katalog

Ketua

Puan Anna Kustyana Mukandar

Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), Sm.Sn. (Kep.) (UKM)

Pustakawan

Cik Noraliah Mohamad Yassin

M.Sc. in Library Science (Case Western Reserve, Ohio), Dip. Lib. Sc. (ITM)

Cik Hayatul-Azlah Ghazali

B.Sc.(Hons.) Library Science (UiTM)

Puan Fatimah Kamilah Awang

B.Sc.(Hons.) Information Studies (UiTM)

Cik Ruzita Kamis

MLIS (UM), Sm.PI (UKM)

Encik Jamain Manap

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Encik Md Hafiz Ahmad Zulkifli

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Encik Azhari Sahamir

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Bahagian Perolehan

Ketua

Puan Rosnah Yusof

Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), Sm.Sn. (UKM)

Pustakawan

Puan Norbaizura Malek

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Puan Rohana Mahmood

B.A.(Hons.) Library Science (U. Indonesia)

Bahagian Pengurusan Jurnal dan Jilidan

Ketua

Puan Lela Ruzma Mohd Shaari

Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), B.A.(Hons.) (UM)

Pustakawan

Encik Abdul Muhaimin Sabron

B.Sc.(Hons.) Information Studies (UiTM)

Bahagian Koleksi Asia Tenggara dan Dokumen

Ketua

Puan Rosnah Suliman

Postgrad. Dip.Lib. & Information Science (ITM), B. Sc. Botany (Hons.) (UM)

Pustakawan Kanan

Encik Shahrudin Shafri

Postgrad. Dip.Lib. & Information Science (ITM), B.Soc.Sc. (Hons.) (USM)

Bahagian Koleksi Arab dan Tamadun Islam

Ketua

Puan Nik Salimah Nik Abdullah

MLIS (UIAM), B. HSc. in Arabic Language & Literature (UIAM)

Pustakawan

Puan Nik Zaleha Nik Mustapha
Master of Library & Information Science (IIUM), B.A (Hons.) Islamic Revealed Knowledge & Heritage (IIUM)

Bahagian Koleksi Media

Ketua

Puan Hamidah Erman
Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), B.Sc. Economic Resources (UPM)

Pustakawan

Cik Rosmarlidaini Mah Hasan
B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Bahagian Koleksi Arkib dan Galeri

Pustakawan

Encik Harith Faruqi Sidek
B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu

Ketua

Puan Aripah Mohamed
Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), Dip. Sc. (ITM), B.Sc. Botany (Hons.) (UM)

Pustakawan

Puan Nor Asiah Mohamad
B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Perpustakaan Undang-Undang

Ketua

Puan Noraini Omar
Postgrad. Dip. Lib. & Information Science (ITM), B.Econs. (Hons.) (UM)

Pustakawan

Puan Norliah Sukarno
B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Encik Mohd Adnan Baharom

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Perpustakaan Hospital UKM

Ketua

Puan Maimunah Kadir

MLS (University of Loughborough), Dip.Lib.Sc. (ITM), Dip.Lib. & Information Science (University of Loughborough)

Timbalan Ketua Pustakawan

Encik Wan Suhaimi Ariffin

MLS (Syracuse), Dip.Lib. Science (ITM)

Pustakawan

Encik Azlan Mohamad Hamzah

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Cik Mariati Embong

Sarjana Sains Pengurusan Maklumat (UiTM), B.Sc. (Hons) Library Science (UiTM)

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff

Ketua

Puan Faizah Mohd Zain

MLS (Syracuse), Postgrad. Dip.Lib. (Polytechnic North London), B.A.(Hons.) (UM)

Pustakawan

Puan Wan Meriam Wan Ibrahim

Postgrad. Dip.Lib. (London), B.A.(Hons.) (UM)

Cik Noraashikin Mohd Yusop

B.Sc. (Hons.) Information Studies (UiTM)

Cuti Belajar

Encik Hazmir Hj. Zainal

B.Sc.(Hons.) Lib. Science (ITM)

Misi, Dasar Kualiti dan Piagam Pelanggan

Misi

Perpustakaan bertekad menjadi sebuah perpustakaan terkehadapan yang menjadi penghubung utama antara rangkaian maklumat dengan pengguna. Perpustakaan akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan, prasarana dan teknologi yang terbaik supaya mewujudkan suasana keilmuan yang sihat dan memikat, dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh warga Universiti khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Dasar Kualiti

Seluruh warga Perpustakaan UKM beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan Perpustakaan yang berkualiti dan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan ke arah menepati keperluan pelanggan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000.

Objektif

- Membangun, mendokumentasi dan menyelenggara sumber maklumat keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti dalam pelbagai bentuk.
- Menyedia dan mengurus perkhidmatan maklumat dan kemudahan Perpustakaan yang berkualiti bagi keperluan pelanggan.
- Mewujudkan prasarana dan persekitaran fizikal yang berkualiti, teknologi maklumat dan komunikasi terkini bagi memenuhi urusan keilmuan dan pembelajaran sepanjang hayat.
- Memusakakan ilmu dan hasil keluaran Universiti supaya Perpustakaan menjadi pewaris ilmu.
- Membangun dan meningkatkan kompetensi modal insan yang mengamalkan budaya kualiti.

Piagam Pelanggan

- Menyediakan dan mengurus sumber maklumat yang berkualiti dan terkini dalam pelbagai bidang.
- Menyediakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat terkini bersesuaian dengan keperluan pelanggan.
- Mengutamakan pelanggan dengan memberi perkhidmatan yang cekap, tepat dan mesra.
- Membantu pelanggan mengesan, mengakses dan memperolehi maklumat yang relevan.
- Menyedia perkhidmatan kaunter yang cekap dan selesa kepada pelanggan.

Katalog Perpustakaan

Katalog Perpustakaan adalah rekod asas yang memberi maklumat lengkap mengenai bahan-bahan yang ada di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan-Perpustakaan Cabang. GEMILANG ialah nama yang diberi bagi Katalog Awam Dalam Talian di Perpustakaan, iaitu singkatan daripada GEDUNG MAKLUMAT ILMU TUN SERI LANANG. Maklumat bibliografi sesuatu bahan boleh diperolehi dengan menyemak katalog melalui :

- Pengarang, penyunting, dll.
- Judul
- Perkara/Subjek
- Penerbit
- Nombor panggilan

Komputer untuk menyemak katalog Perpustakaan diletakkan di setiap aras Perpustakaan. Salin nombor panggilan serta petunjuk lokasi bahan dengan tepat, kerana nombor panggilan menunjukkan penempatan dan susunan bahan di rak-rak buku. Komputer ini dikhaskan untuk pelanggan mencari maklumat bahan Perpustakaan. Pelanggan dilarang menggunakannya untuk tujuan lain. Katalog ini boleh dicapai melalui Internet di alamat:

<http://gemilang.ukm.my>

Perpustakaan juga mempunyai Koleksi digital yang dibangunkan sendiri. Koleksi digital menyimpan indeks/abstrak dan juga teks penuh bahan-bahan perpustakaan seperti tesis, kertas seminar, laporan penyelidikan, keratan akhbar dan sebagainya. Kata pengenalan dan kata laluan diperlukan untuk mengakses teks penuh. Koleksi digital boleh dicapai melalui Internet di alamat:

<http://ptsldigital.ukm.my>

Petunjuk Lokasi

Perpustakaan menggunakan awalan sebelum nombor kelas bagi menunjukkan jenis koleksi dan penempatannya seperti:

2	Perpustakaan Undang-Undang
3	Kejuruteraan
8	Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu
9	Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
41	Buku Koleksi Schacht (Koleksi Khas)
42	Buku Nadir (Koleksi Khas)
43	Buku Cina Peranakan (Koleksi Khas)
49	Koleksi Haram
arkib	Koleksi Arkib UKM
HUKM	Perpustakaan HUKM
kat	Koleksi Asia Tenggara
ki	Koleksi Arab dan Tamadun Islam
media	Koleksi Bahan Media
pasca	Koleksi Pasca Siswazah
ruj	Koleksi Rujukan
sem	Koleksi Kertaskerja Seminar
siri	Koleksi Terbitan Bersiri
sbr	Koleksi Sudut Bacaan Ringan
tesis	Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah
M	Koleksi Dokumen
MK	Dokumen Kerajaan Malaysia
zz	Koleksi Abstrak, Indeks dan Bibliografi

Petunjuk Perpustakaan Dalam Sistem Virtua

PTSL	Perpustakaan Tun Seri Lanang
PUU	Perpustakaan Undang-Undang
PATMA	Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu
PP	Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
PHUKM	Perpustakaan Hospital UKM

Tatatertib Perpustakaan

1. Pelanggan diwajibkan memakai kad kampus/pelawat semasa masuk dan berada dalam Perpustakaan.
2. Hanya buku, nota dan alat tulis dibenarkan dibawa masuk ke Perpustakaan. Kemudahan bilik simpanan dan lokar disediakan.
3. Pelanggan hendaklah berkelakuan baik dan berpakaian kemas semasa berada di Perpustakaan, sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
4. Pelanggan diwajibkan mematuhi Peraturan Pakaian dan Kemasan Diri Pelajar.
5. Semasa berada di Perpustakaan, pelanggan dilarang:
 - Menconteng/mengoyak/merosakkan/mencuri buku, jurnal dan bahan Perpustakaan.
 - Merokok, makan dan minum.
 - Berbual dan mengganggu ketenteraman orang lain.
 - Memindahkan buku/bahan Perpustakaan dari satu aras/koleksi ke aras/koleksi yang lain.
 - Mengalih/menyalahgunakan/merosakkan perabot.
 - Membuang sampah merata-rata.
 - Menggunakan telefon bimbit di kawasan ruang baca, rak buku, katalog GEMILANG, ruang Sudut Bacaan Ringan dan Kaunter Pinjaman. **Denda RM10.00 akan dikenakan.**
 - Memakai selipar.
6. Pelanggan dikehendaki meletakkan buku yang telah digunakan di Rak Sementara.
7. Pelanggan yang membuat salinan foto adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan AKTA HAKCIPTA.
8. Pelanggan tidak dibenarkan meminjam bahan/buku dengan menggunakan kad pelanggan lain. Pelanggan juga tidak dibenarkan membawa keluar buku Perpustakaan yang dipinjam oleh pelanggan lain. Bahan/buku berkenaan akan ditahan sehingga bahan/buku tersebut dituntut oleh peminjam asal.



Perpustakaan Tun Seri Lanang

Pengenalan

Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dibuka dengan rasminya pada 2 Julai 1980 oleh DYMM Tuanku Jaafar Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Canselor ke 2 UKM. PTSL menyediakan keperluan bahan dan maklumat bagi kegiatan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan untuk fakulti/pusat/institut yang terdapat di kampus Bangi.

Waktu Pembukaan

Semasa Semester		
Isnin ñ Khamis	8.00 pagi	- 10.30 malam
Jumaat	8.00 pagi	- 12.15 tengahari
	2.45 petang	- 10.30 malam
Sabtu	10.00 pagi	- 5.00 petang
Ahad	10.00 pagi	- 5.00 petang
Cuti Antara Semester		
Isnin ñ Khamis	8.00 pagi	- 7.00 malam
Jumaat	8.00 pagi	- 12.15 tengahari
	2.45 petang	- 7.00 malam
Sabtu	10.00 pagi	- 5.00 petang
Ahad	10.00 pagi	- 5.00 petang
Sabtu Pertama	TUTUP	
Waktu Pinjaman/Pemulangan Bahan Am dan Tanda Merah		
Semasa Semester		
Isnin ñ Khamis	8.30 pagi	- 9.45 malam
Jumaat	8.30 pagi	- 12.00 tengahari
	2.45 petang	- 9.45 malam
Sabtu	10.30 pagi	- 4.00 petang
Ahad	10.30 pagi	- 4.00 petang
Cuti Antara Semester		
Isnin ñ Khamis	8.30 pagi	- 5.00 petang
Jumaat	8.30 pagi	- 12.00 tengahari
	2.45 petang	- 5.00 petang
Sabtu	10.30 pagi	- 4.00 petang
Ahad	10.30 pagi	- 4.00 petang
Waktu Pinjaman Bermalam Bahan Tanda Merah		
Isnin ñ Jumaat	4.00 petang	- 9.45 malam
Sabtu ñ Ahad	2.00 petang	- 4.00 petang

Mulai dua minggu sebelum minggu peperiksaan, Perpustakaan akan dibuka sehingga jam 11.00 malam termasuk pada hari Sabtu dan Ahad. Perpustakaan akan ditutup pada hari Kelepasan Am Negeri Selangor dan Malaysia.

Keahlian Perpustakaan

Terbahagi kepada dua iaitu:

- Keahlian pelajar dan kakitangan UKM
- Keahlian luar Perpustakaan UKM

Keahlian Pelajar dan Kakitangan UKM

Kategori	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Pelajar Pra Siswazah, Pelajar Luar Kampus	Percuma	100.00	5 buah/14 hari	1 buah/ 2 jam/ Bermalam
2. Pelajar Pasca Siswazah/Diploma Lanjutan	Percuma	200.00	15 buah/30 hari	1 buah/1 minggu
3. Pelajar Luar Negara Pra Siswazah	Percuma	200.00	15 buah/14 hari	1 buah/2 jam
4. Pelajar Luar Negara Pasca Siswazah	Percuma	400.00	15 buah/30 hari	1 buah/1 minggu
5. Ahli akademik, Pegawai Universiti	Percuma	Percuma	15 buah/90 hari	1 buah/2 minggu
6. Kakitangan Sokongan	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	1 buah/2 jam
7. Alumni UKM	50.00	100.00	2 buah/14 hari	-
8. Keahlian Bersekutu*	-	50.00	2 buah/14 hari	-
9. PJJ Pra/Pasca	Percuma	40/80.00	3 buah/1 bulan	1 buah/2 jam
10. Akademik Sambilan/Pelawat	Percuma	-	10 buah/1 bulan	1 buah/2 minggu
11. Sarjana/Prof. Pelawat	Percuma	-	10 buah/1 bulan	-
11. Ahli Kehormat	-	-	15 buah/90 hari	1 buah/2 minggu

* *Keahlian Bersekutu, minimum 15 tahun perkhidmatan dan bersara dari UKM. Yuran yang dikenakan adalah yuran pendaftaran RM50.00 sahaja.*

Keahlian Luar Perpustakaan UKM

Kategori	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Pelajar Malaysia yang belajar di luar negara tajaan kerajaan, MARA dsb	50.00	100.00	2 buah/14 hari	-
2. Kakitangan kerajaan*	-	100.00	2 buah/14 hari	-
3. Pelajar IPTS	100.00	200.00	2 buah/14 hari	-
4. Pelajar luar negara	200.00	500.00	2 buah/14 hari	-
5. Ahli korporat institusi (10 orang)	2,000	4,000	2 buah/14 buah	-
6. Orang perseorangan	200.00	400.00	2 buah/14 hari	-
7. Pelanggan harian	20.00	Tiada	-	-

* Pelajar IPT awam dan kakitangan kerajaan yang bukan ahli dibenarkan membuat rujukan dengan membawa surat pengesahan atau kad pelajar/pekerja masing-masing.

Pendaftaran Keahlian

1. Urusan pendaftaran boleh dibuat di Pejabat Am, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan pada waktu pejabat.
2. Pemohon diminta mengisi borang permohonan dan sertakan dua keping gambar berukuran pasport.
3. Pemohon juga diminta membawa surat pengesahan dari institusi masing-masing semasa membuat pendaftaran.
4. Ahli yang telah mendaftar akan diberi kad keahlian dan buku Panduan Perpustakaan.
5. Semua keahlian tidak boleh ditukar milik.
7. Kehilangan kad keahlian hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Am, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan. Kad baru akan dikeluarkan dalam tempoh 2 hari dengan bayaran RM10.00.

Perkhidmatan

Dalam usaha Perpustakaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, berbagai perkhidmatan telah disediakan untuk kemudahan pelanggan. Di antaranya adalah seperti berikut:

Pinjaman

Semua pelanggan yang telah mendaftar menjadi ahli Perpustakaan layak meminjam bahan daripada Koleksi Am, Koleksi Arab dan Tamadun Islam dan Koleksi Tanda Merah mengikut kategori masing-masing. Pelanggan juga boleh membuat rujukan di Koleksi Asia Tenggara, Koleksi Dokumen, Koleksi Jurnal dan Koleksi Media serta menggunakan kemudahan yang disediakan di siber@ptsl. Pelanggan diminta menunjukkan kad kampus/kad ahli kepada kakitangan bertugas, setiap kali mereka ingin meminjam bahan atau menggunakan kemudahan yang disediakan. Buku yang lewat dipulangkan atau dihilangkan akan dikenakan denda seperti berikut:

Denda Lewat Memulangkan Bahan

Kadar denda bagi sebuah buku adalah seperti berikut:

Koleksi Am	20 sen sehari
Koleksi Tanda Merah	50 sen 1 jam atau sebahagian daripadanya

Denda yang dikira termasuklah pada hari cuti

Denda Menghilangkan Buku

Denda akan dikenakan seperti berikut:

- Keahlian digantung serta-merta sehingga membayar denda menghilangkan buku
- Menggantikan buku yang sama atau edisi terbaru beserta wang proses RM50.00 **ATAU** membayar tiga kali ganda harga buku semasa dan wang proses RM50.00 **ATAU** jika buku nadir (habis cetak) dikenakan penalti RM1000.00

Tempahan

Tempahan untuk buku yang sedang dipinjam boleh dibuat melalui GEMILANG. Penempah hendaklah menyemak rekod pelanggan dari semasa ke semasa untuk mengetahui status bahan yang ditempah. Jika status bahan *ëpendingí* telah bertukar ke *ëpickupí*, bahan tersebut boleh diambil di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di Aras 4. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi tempoh 7 hari untuk meminjam buku berkenaan.

Sistem Pembekalan Penerbitan

Perkhidmatan ini diberikan kepada kakitangan akademik/ikhtisas/pentadbiran, pasca siswazah dan pelajar-pelajar tahun akhir. Pemohon diminta mengisi borang permohonan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) dengan memberi maklumat yang lengkap dan tepat mengenai bahan yang diperlukan. Borang boleh didapati di Meja Penasihat Pembaca atau di kaunter Bahagian Perkhidmatan Pelanggan di aras 4. Permohonan akan dihantar ke institusi dalam negeri dan juga ke luar negara. Pemohon akan dikenakan bayaran kos bahan yang dibekalkan serta bayaran perkhidmatan.

Perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat

Perkhidmatan ini disediakan di Meja Penasihat Pembaca di aras 4 untuk membantu pelanggan menggunakan Perpustakaan secara lebih berkesan, mengatasi masalah mendapatkan maklumat/bahan yang diperlukan, memberi tunjuk ajar menggunakan katalog dan buku-buku rujukan serta menjawab segala pertanyaan berkaitan Perpustakaan.

Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik

Pencarian maklumat elektronik disediakan di Perpustakaan Tun Seri Lanang melalui perkhidmatan berikut:

Katalog Awam Dalam Talian

Katalog Awam Dalam Talian (GEMILANG) adalah rekod asas yang memberi maklumat lengkap mengenai bahan-bahan yang ada di Perpustakaan. Di antara fungsi utama yang boleh dicapai oleh pelanggan ialah :

- Semak katalog
- Tempahan bahan
- Menyemak rekod pelanggan
- Memperbaharui pinjaman dalam talian

Maklumat bibliografi sesuatu bahan boleh diperolehi dengan menyemak katalog melalui:

- Pengarang/penyunting, dll.
- Judul
- Perkara/subjek
- Penerbit
- Nombor panggilan

Komputer untuk mencapai katalog awam dalam talian (GEMILANG) ada disediakan di semua aras Perpustakaan. Pelanggan perlu menyalin nombor panggilan bahan dengan tepat untuk memudahkan pencarian buku di rak.

Laman Web

Tapak web Perpustakaan boleh dicapai melalui alamat: **<http://www.ukm.my/library>**. Semua maklumat terkini mengenai kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan boleh diperolehi di sini. Di antara menu utama yang terdapat di muka hadapan ialah: Organisasi, Perkhidmatan, Sumber Elektronik, Katalog dan Koleksi.

Koleksi Digital UKM (KDUKM)

Perpustakaan UKM telah melaksanakan projek Koleksi Digital UKM pada tahun 2002. Semua pangkalan data dalaman menggunakan perisian aplikasi Content Manager yang diperolehi dari IBM. Dengan adanya sistem Koleksi Digital UKM ini, semua pangkalan data dalaman boleh diakses menerusi Internet.

Pangkalan data yang terdapat dalam Koleksi Digital UKM ini adalah Latihan Ilmiah, Indrakat, Keratan Akhbar, Kertas Kerja Seminar, Laporan Penyelidikan, Tesis dan pangkalan data Perpustakaan Undang-Undang. Pangkalan data Perpustakaan Undang-Undang terdiri dari Akta Persekutuan, Enakmen Negeri-negeri Malaysia, Kes Mahkamah Malaysia, Perundangan Negeri, Perundangan Persekutuan dan Rang Undang-undang Persekutuan/Negeri. Beberapa pangkalan data seperti Tesis, Kertas Kerja Seminar dan Keratan Akhbar mempunyai teks penuh. Koleksi Digital UKM boleh diakses melalui alamat:

<http://ptsldigital.ukm.my>

Hanya pelanggan yang berdaftar sahaja mempunyai kata pengenalan dan katalaluan untuk mengakses maklumat teks penuh. Pelanggan awam boleh mengakses maklumat bibliografi secara percuma. Koleksi Digital UKM ini juga mempunyai kemudahan Z39.50, di mana pelanggan boleh membuat pencarian secara serentak menerusi katalog perpustakaan dalam talian GEMILANG.

Pangkalan Data Dalam Talian

Perpustakaan melanggan 40 pangkalan data dalam talian yang mengandungi anggaran 11,000 judul jurnal teks penuh dan boleh dicapai melalui Internet. Di antaranya ialah:

- ScienceDirect
- IEEE Electronic Library (IEL)
- SpringerLink
- Emerald
- Ebscohost Business Source Premier
- PsycINFO & PsycARTICLES
- Lecture Notes in Computer Science (LNCS)
- Ei Engineering Village2 (EV2)
- INSIDE
- Journal Citation Report (JCR)

Pangkalan data dalam talian yang dilanggan boleh diakses di luar dan di dalam rangkaian UKM. Pelanggan boleh juga mengakses pangkalan data dalam talian di siber@ptsl.

Pelanggan boleh mengakses pangkalan data dalam percubaan (*trial*) melalui Laman Web Perpustakaan. Klik menu "Pangkalan Data Dalam Talian" di muka hadapan tapak web tersebut. Pelanggan boleh juga mengakses melalui Katalog Awam Dalam Talian (GEMILANG) di menu "E-Jurnal".

Portal E-Jurnal

Portal E-Jurnal adalah satu kemudahan (Ezproxy) untuk mengakses pangkalan data dalam talian atau jurnal elektronik di dalam dan luar rangkaian UKM. Pengaksesan Portal E-Jurnal boleh dilakukan melalui <http://ezlib.ukm.my>.

Pelanggan perlu menaip kata pengenalan (user ID) dan katalaluan (Password) di muka hadapan Portal E-Jurnal. Kata pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan yang digunakan untuk mengakses GEMILANG (Katalog Awam Dalam Talian Perpustakaan).

Internet

Dalam era teknologi maklumat, Internet adalah salah satu sumber penting untuk mendapatkan maklumat terkini. Maklumat boleh diperolehi dengan menggunakan enjin carian maklumat yang disediakan seperti Google, Alta Vista, Infoseek, WebCrawler, Yahoo dan sebagainya. Pelanggan boleh menggunakan kemudahan di siber@pts1 dengan kadar bayaran yang telah ditentukan.

Perkhidmatan Bimbingan dan Pendidikan Pelanggan

Perkhidmatan ini memberi peluang kepada pelanggan, terutamanya pelajar baru, memahami dengan lebih mendalam peranan Perpustakaan sebagai gedung ilmu. Pelbagai program diatur seperti lawatan berpandu, sesi penerangan, tayangan video dan kursus kemahiran maklumat yang dikendalikan oleh pustakawan. Pelajar-pelajar digalakkan mengikuti kursus dan bengkel yang dijadualkan untuk mengetahui kaedah yang terbaik dan berkesan untuk mencari, mengakses, menilai dan mengguna maklumat sama ada bercetak atau elektronik. Perpustakaan juga bersedia memberi tunjukajar dan panduan mengurus pusat sumber di jabatan-jabatan.

Perkhidmatan Media

Semua pelanggan yang berdaftar sebagai ahli Perpustakaan layak menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Bahagian Koleksi Media. Pelanggan juga boleh menempah serta menggunakan bilik-bilik tayangan dan ruang serbaguna yang boleh memuatkan 150 orang, ruang menonton tv, ruang prebiu (kakitangan akademik) dan bilik video/muzik untuk kumpulan kecil.

Perkhidmatan VCD

Semua pelanggan yang berdaftar sebagai ahli KPI (Kelab Pencinta Ilmu) boleh menempah secara individu/kumpulan untuk menggunakan VCD di bilik video/muzik/VCD. Waktu tayangan dari jam 8.30 pagi - 6.00 petang dan 8.00 malam - 9.00 malam.

Penerbitan Perpustakaan

Dalam usaha Perpustakaan memberi perkhidmatan maklumat terkini, beberapa penerbitan telah diusahakan, antaranya:

- **Buletin Perpustakaan**

Buletin Perpustakaan adalah lidah rasmi Perpustakaan yang memuatkan berita dan maklumat mengenai Perpustakaan. Ia juga sebagai medan berkarya bagi pustakawan dan kakitangan sokongan untuk menghasilkan penulisan bermutu.

- **Risalah**

Risalah yang berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan, kemudahan dan koleksi juga disediakan dari semasa ke semasa. Risalah ini boleh diperolehi di Meja Penasihat Pembaca di aras 4. Risalah ini membantu pelanggan mengenali dengan lebih dekat sesuatu perkhidmatan, kemudahan atau koleksi yang terdapat di Perpustakaan.

Pameran

Perpustakaan mengadakan pameran dari semasa ke semasa untuk menarik pelanggan berkunjung ke Perpustakaan. Pameran secara berterusan seperti Pameran Buku Baru, pameran bahan dan peralatan media, Pameran Karya Ahli Akademik UKM serta beberapa lagi, memberi peluang kepada pelanggan mengetahui bahan-bahan rujukan terbaru yang diperolehi Perpustakaan. Pameran bertema pula diadakan sempena sesuatu aktiviti atau peristiwa seperti mengalu-alukan kedatangan pelajar baru, Majlis Anugerah Kualiti UKM, Konvokesyen dan sebagainya.

Galeri UKM

Galeri UKM terletak di aras 2, Bangunan Canselori UKM. Urusan perkhidmatan Galeri adalah dibawah pentadbiran Perpustakaan Tun Seri Lanang. Galeri ini mengandungi koleksi poster, gambar, manuskrip, artifak, penerbitan dan media yang merakamkan sejarah penubuhan, perkembangan, tokoh-tokoh utama, kepimpinan dan kecemerlangan UKM bagi tempoh tiga dekad (1970-2000). Galeri ini bukan sahaja berfungsi untuk mengumpul, memelihara, mendokumentasi dan mempamerkan sejarah warisan UKM, tetapi juga berperanan sebagai pusat maklumat bagi pelawat-pelawat yang berkunjung ke Universiti ini. Waktu pembukaan Galeri adalah seperti berikut:

Isnin - Khamis	10.00 pagi - 4.00 petang
Jumaat	10.00 pagi - 12.15 tengahari 2.45 petang - 4.00 petang

Koleksi Bahan Perpustakaan

Sebagai sebuah perpustakaan akademik, Perpustakaan akan terus bergerak dan berkembang selaras dengan tuntutan warga Universiti khususnya dan masyarakat amnya. Selain daripada empat Perpustakaan Cabang yang mempunyai koleksi masing-masing, Perpustakaan Tun Seri Lanang mempunyai koleksi seperti berikut :

Koleksi Am

Menempatkan buku-buku akses terbuka dalam pelbagai bidang. Buku-buku dalam koleksi ini boleh dipinjam.

Koleksi Arab dan Tamadun Islam

Terdiri daripada buku-buku berkaitan dengan pengajian Arab dan ketamadunan Islam yang meliputi pelbagai bidang. Bahan-bahan ini terdapat dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Inggeris, Melayu dan Indonesia dan ianya boleh dipinjam.

Koleksi Asia Tenggara

Bahan-bahan dalam koleksi akses terhad ini meliputi pelbagai bidang perkara termasuk agama, bahasa, kesusasteraan, sejarah, politik, sosiologi, ekonomi, kebudayaan, undang-undang, pendidikan serta sains dan teknologi. Pemilihan bahan-bahan adalah berdasarkan kepada kawasan iaitu negara-negara di kawasan Asia Tenggara yang terdiri dari Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Bahan-bahan yang terdapat dalam koleksi ini antaranya ialah buku, tesis pasca siswazah dan kertas kerja persidangan/seminar. Bahan-bahan merangkumi penerbitan dalam Bahasa Melayu, Indonesia, Inggeris, Belanda dan sedikit dalam bahasa-bahasa lain.

Koleksi Dokumen

Koleksi ini adalah untuk rujukan sahaja. Ia mengandungi bahan terbitan kerajaan pusat (peringkat Kementerian/Jabatan), terbitan kerajaan negeri, terbitan badan berkanun di Malaysia, terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensinya seperti IMF dan ILO, terbitan kerajaan negara luar (tertentu), terbitan OECD (*Organization for Economic Cooperation and Development*) dan terbitan *Rand Corporation* (sebuah institusi swasta yang menerbitkan laporan, kertas kerja, dan bahan-bahan penyelidikan).

Koleksi Arkib UKM

Koleksi ini mengumpulkan bahan-bahan mengenai sejarah dan perkembangan UKM, merangkumi terbitan rasmi dan rekod Universiti, karya ahli-ahli akademik terbitan Fakulti/Jabatan, terbitan Penerbit UKM serta lain-lain terbitan warga kampus. Koleksi Arkib juga merupakan koleksi memori Institusi diwujudkan bagi tujuan pemeliharaan bahan serta memenuhi keperluan rujukan dan penyelidikan. Beberapa buah pangkalan data dalaman telah dibangunkan untuk kemudahan rujukan pelanggan Perpustakaan. Antara bahan-bahan yang telah didigitasikan adalah Laporan Penyelidikan dan Keratan Akhbar mengenai UKM. Maklumat ini boleh diakses melalui alamat <http://ptsl.digital.ukm.my>. Koleksi Arkib diurus sebagai Koleksi Tertutup dan boleh dirujuk semasa waktu pejabat di Koleksi Arkib di aras 6.

Koleksi Khas

Koleksi Khas merupakan koleksi penting dan tinggi nilainya. Ia menjadi tulang belakang kepada koleksi penyelidikan Perpustakaan. Koleksi tertutup ini mengumpulkan buku-buku nadir, manuskrip, bahan habis cetak, penerbitan klasik, buku-buku berharga mahal dan koleksi peribadi. Himpunan ini merangkumi Koleksi Prof. J. Schacht, Koleksi Harun Aminurashid, Koleksi Sastera Peranakan Cina Indonesia dan beberapa koleksi ahli akademik UKM. Koleksi tertutup ini boleh dirujuk semasa waktu pejabat di Koleksi Khusus di aras 6. Bagi kemudahan pelanggan, Perpustakaan telah memulakan projek pendigitan bahan dari Koleksi Prof. J. Schacht dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Projek International Islamic Digital Library (IIDL) ini boleh diakses di alamat <http://lib.iiu.edu.my>.

Koleksi Rujukan

Koleksi ini menempatkan bahan-bahan rujukan pelbagai bidang dari karya am, sejarah, sains dan teknologi, sains kemasyarakatan, perubahan hinggalah ke bidang sains perpustakaan. Ia terdiri daripada bahan rujukan seperti kamus, ensiklopedia, buku tahunan, atlas, almanak, abstraks, indeks, bibliografi dan sebagainya. Koleksi kalendar/prospektus bagi universiti di dalam/luar negara juga ditempatkan di koleksi ini. Bahan-bahan hanya untuk rujukan di Perpustakaan sahaja.

Koleksi Tanda Merah

Menempatkan bahan bacaan utama bagi kursus yang diajar di UKM atau sebagai bacaan wajib yang disyorkan oleh pensyarah. Bahan ini boleh dipinjam selama 2 jam atau bermalam.

Koleksi Haram

Koleksi ini terdiri daripada bahan-bahan yang diharamkan pengedarannya kepada umum oleh kerajaan. Walau bagaimanapun buku-buku ini boleh dirujuk dengan syarat pelanggan membawa surat sokongan dari Ketua Jabatan. Koleksi ini ditempatkan di Pejabat Am, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, aras 4. Rujukan boleh dibuat pada waktu pejabat sahaja.

Koleksi Sudut Bacaan Ringan

Terdiri daripada bahan bacaan ringan dan popular. Bahan-bahan boleh dipinjam sama seperti Koleksi Am. Koleksi ini ditempatkan berhampiran Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di aras 4.

Koleksi Pasca Siswazah

Terdiri daripada buku dalam pelbagai bidang yang dicadang oleh pensyarah untuk bacaan pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Buku mempunyai lokasi 'Pasca' di dalam GEMILANG dan juga mempunyai awalan 'Pasca' di nombor panggilan bahan. Buku ini ditempatkan di aras 5 dan boleh dipinjam seperti buku Koleksi Am.

Koleksi Jurnal

Koleksi ini menempatkan jurnal terkini dan kebelakangan dalam pelbagai bidang/perkara. Terdapat hampir 5,000 judul jurnal, termasuk kira-kira 1,200 jurnal terkini yang masih dilanggan. Koleksi Jurnal merangkumi beberapa unit seperti berikut :

Unit Jurnal Popular

Menempatkan jurnal-jurnal terkini dan kebelakangan yang sering dirujuk pelanggan. Mereka hanya dibenarkan membuat rujukan di dalam Unit berkenaan sahaja.

Unit Mikrofis/Mikrofilem Jurnal

Mengandungi jurnal-jurnal kebelakangan dalam bentuk mikrofis/mikrofilem. Pelanggan perlu mendapat kebenaran daripada kakitangan bertugas untuk menggunakannya.

Jurnal Simpan

Menempatkan jurnal-jurnal yang mempunyai bilangan jilid kurang dari 5 dan telah ditamatkan langgan. Pelanggan perlu mendapatkan kebenaran daripada kakitangan untuk menggunakannya.

Akhbar Harian

Perpustakaan melanggan beberapa akhbar tempatan seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The New Straits Times, Nanyang Siang Pau dan Tamil Nesan. Pelanggan hanya dibenarkan membaca akhbar harian di Unit berkenaan sahaja. Akhbar kebelakangan terdapat dalam bentuk mikrofilem dan ditempatkan di Koleksi Media.

Koleksi Media

Koleksi ini menempatkan bahan-bahan bukan buku (bahan mikro dan pandang dengar) dalam pelbagai bidang perkara. Ia merupakan koleksi akses tertutup. Pelanggan Perpustakaan boleh merujuk bahan-bahan di ruang Bahagian Koleksi Media untuk tempoh 3 jam. Bahan video dan VCD boleh dipinjam dalam tempoh 2 hari. Kakitangan bertugas sedia membantu pelanggan yang memerlukan bantuan dalam menggunakan bahan dan peralatan media.

Pengkelasan Bahan Perpustakaan

Bahan-bahan Perpustakaan dikelaskan menurut bidang perkara berdasarkan Sistem Pengkelasan *Library of Congress*. Sistem pengkelasan ini menggunakan kombinasi abjad dan nombor. Ringkasan sistem pengkelasan ini adalah seperti berikut :

A	Karya-karya Am
B	Falsafah Agama
B-BD	Falsafah
BF	Psikologi
BJ	Etika
BH	Estetika
BL-BX	Agama
BP	Agama Islam
BR-BX	Agama Kristian
C	Kajian Persejarahan
D	Sejarah (Am)
DA	United Kingdom
DB-DR	Negara-negara Eropah
DS 1-937	Asia (Am)
DT	Afrika
DU	Oceania (termasuk Australia, New Zealand, Kepulauan Pasifik)
E-F	Sejarah Amerika
G	Geografi, Antropologi, Rekreasi
H	Sains Kemasyarakatan
HA	Statistik
HB-HJ	Ekonomi
HM-HX	Sosiologi
J	Sains Politik
K	Undang-Undang
L	Pendidikan
M	Muzik
N	Kesenian
P	Bahasa & Kesusasteraan
PJ 6001-8517	Bahasa & Kesusasteraan Arab
PL 5021-5271	Bahasa & Kesusasteraan Melayu/Indonesia
PN	Kesusasteraan (Am)
Q	Sains
QA	Matematik
QB	Astronomi
QC	Fizik
QD	Kimia
QE	Geologi
QH-QR	Biologi
R	Perubatan
S	Pertanian
T	Teknologi
U-V	Sains Ketenteraan
Z	Sains Perpustakaan

Nombor Panggilan

Setiap bahan Perpustakaan mempunyai nombor panggilan. Nombor panggilan adalah petunjuk kepada penempatan bahan di rak. Ia terdiri daripada komponen berikut :

- Perkara
- Pembahagian perkara
- Pembahagian mengikut kawasan, format dsb, jika ada
- Nombor berdasarkan entri utama iaitu huruf pertama pengarang atau judul
- Tahun diterbitkan, jika perlu
- Bilangan naskhah, jika perlu

Contoh : DS598.P4T36 1995 n.1

DS	Perkara (sejarah)
598	Pembahagian perkara (sejarah Malaysia)
.P4	Pembahagian perkara mengikut kawasan (negeri Perak)
T36	Nombor entri pengarang
1995	Tahun diterbitkan
n.1	Bilangan naskhah buku (naskhah pertama)

Kemudahan Perpustakaan

Ruang Bacaan

Perpustakaan menyediakan ruang bacaan di semua aras yang boleh memuatkan 1,400 orang pelanggan dalam satu masa.

Bilik Tayangan

Terdapat enam buah bilik tayangan di Bahagian Koleksi Media yang disediakan untuk pelanggan Perpustakaan. Ia seumpama studio kecil atau panggung mini yang sesuai untuk persembahan filem, tayangan video dan sebagainya. Mereka yang ingin menggunakannya, boleh membuat tempahan di Kaunter Pinjaman Bahagian Koleksi Media, aras 2.

Bilik Karel/Perbincangan

Bilik karel/perbincangan ada disediakan di aras 3. Sewa bulanan bilik karel ialah RM10.00 dan cagaran RM5.00. Urusan penyewaan dibuat di Pejabat Am, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, aras 4. Penggunaan bilik perbincangan adalah percuma. Urusan tempahan boleh dibuat di Kaunter Jurnal Popular, aras 3.

Fotokopi

Mesin fotokopi secara layan diri yang dikendalikan oleh pihak swasta disediakan di aras 3, 4 dan 5. Kad fotokopi boleh dibeli di aras 5.

Salinan Bahan Mikro

Perkhidmatan ini disediakan di aras 2 di Bahagian Koleksi Media. Pelanggan boleh membuat salinan bercetak daripada mikrofilm dan mikrofilem dengan bayaran 50 sen bagi setiap halaman kertas A4. Walau bagaimanapun tesis dan latihan ilmiah tidak boleh dibuat salinan bercetak.

siber@ptsl

Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl untuk mengakses bahan daripada Internet termasuk pangkalan data dalam talian dan e-mel. siber@ptsl juga ada menyediakan komputer untuk penaipan dan mencetak kertas projek, tesis dan sebagainya. Pelanggan juga boleh membaca CD-ROM multimedia dan sebagainya yang diperolehi oleh Perpustakaan.

Ruang Membaca Di Dataran Tun Seri Lanang

Dataran ini menyediakan ruang membaca terbuka yang selesa. Dataran ini juga sesuai untuk tujuan perbincangan kerana ruang membaca di dalam Perpustakaan tidak membenarkan pelanggan mengadakan perbincangan kecuali di Bilik Perbincangan. Peti minuman layan diri dan telefon awam juga disediakan di penjuru dataran.

Lokar

Perpustakaan menyediakan kemudahan sewa lokar berkunci dengan bayaran RM3.00 sebulan. Urusan penyewaan boleh dibuat di Pejabat Am, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, aras 4.



**Perpustakaan Alam
dan Tamadun Melayu**

Pengenalan

Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) merupakan sebuah perpustakaan penyelidikan dalam bidang Pengajian Alam dan Tamadun Melayu. Ditubuhkan pada tahun 1982 ia bertempat di aras 2 dan 3, Bangunan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Matlamat utama Perpustakaan ini ditubuhkan ialah untuk mengumpul, memperkaya serta mendokumentasikan bahan yang berkaitan dengan alam dan tamadun Melayu dalam usaha menyokong aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pengajaran di ATMA. Kini, selari dengan perluasan bidang penyelidikan Institut, Perpustakaan ATMA juga memperluaskan dasar perolehannya dengan mengumpul bahan dalam semua bidang mengenai alam dan tamadun Melayu seperti komunikasi, sains hayat dan kejuruteraan.

Waktu Pembukaan

Semasa Semester			
Isnin - Khamis	8.00 pagi	-	7.00 malam
Jumaat	8.00 pagi	-	12.15 tengahari
	2.45 petang	-	7.00 malam
Sabtu	9.00 pagi	-	1.00 tengahari
Ahad	9.00 pagi	-	1.00 tengahari
Sabtu, Ahad Minggu I & III		-	TUTUP
Cuti Umum		-	TUTUP

Cuti Antara Semester			
Isnin - Khamis	8.00 pagi	-	5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi	-	12.15 tengahari
	2.45 petang	-	5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum		-	TUTUP

Katalog Perpustakaan

Maklumat mengenai bahan-bahan PATMA boleh didapati melalui GEMILANG dengan menggunakan komputer yang disediakan di kampus UKM. Katalog ini boleh juga dicapai melalui Internet dengan melayari laman web:

<http://gemilang.ukm.my>

Keahlian

Pelanggan yang layak menjadi ahli adalah terdiri daripada:

1. Ahli akademik dan penyelidik UKM.
2. Pegawai Tadbir dan Pegawai Ikhtisas UKM.
3. Kakitangan sokongan UKM.
4. Siswazah Lanjutan dan pelajar tahun akhir UKM.
5. Penyelidik dari institusi lain, ahli-ahli korporat, alumni, pesara UKM dan individu yang berdaftar dengan Perpustakaan Tun Seri Lanang.

Pemohonan ke keahlian boleh dilakukan dengan mengisi borang pendaftaran yang disediakan di Kaunter Pinjaman/Pemulangan PATMA pada waktu pejabat.

Perkhidmatan

Perkhidmatan Pinjaman

Buku-buku daripada Koleksi Am boleh dipinjamkan kepada ahli mengikut kelayakan seperti berikut:

Kategori	Tempoh/Bilangan
Ahli Akademik/ Pegawai Ikhtisas/ Pelajar Pasca Siswazah	5 buah/14 hari
Pelajar Pra Siswazah (Tahun akhir)/ Kakitangan Am	3 buah/7 hari

Denda sebanyak 50 sen sehari akan dikenakan kepada setiap naskhah buku yang lewat dipulangkan.

Perkhidmatan Rujukan

Pelanggan yang tidak layak menjadi ahli boleh mendapat Perkhidmatan Rujukan dengan kadar bayaran seperti berikut:

- | | |
|--|--|
| • Pelajar UKM Tahun 1 & 2
(Hari Selasa & Khamis sahaja) | RM1.00/sehari |
| • Pelajar IPTA lain | RM5.00/sehari |
| • Pelajar Luar | RM20.00 sehari <i>atau</i>
RM200.00 setahun |

Tempahan

Tempahan buku-buku PATMA yang dibuat oleh ahli sahaja akan diambilkira dan disediakan untuk pinjaman.

Khidmat Maklumat

- Senarai perolehan buku boleh dilihat melalui laman web PATMA <http://www.atma.ukm.my/perpustakaan/index.htm>. Senarai ini juga dicetak dan diedarkan kepada ahli akademik ATMA.
- Maklumat indeks akhbar tempatan iaitu Berita Harian dan Utusan Malaysia sejak 1992 boleh diakses melalui Koleksi Digital UKM di alamat: <http://ptsldigital.ukm.my>
- Pameran bulanan mengenai tema/isu semasa dijalankan berdasarkan perancangan awal tahun, atau di atas permintaan ahli akademik ATMA.
- Pameran Buku Baru diadakan setiap bulan.

Kemudahan

Salinan Foto

Perkhidmatan salinan foto layan diri yang dikendalikan oleh pihak swasta disediakan di aras 2 dan 3 PATMA. Untuk menggunakan kemudahan ini pelanggan perlu mendapatkan kad salinan foto dari Kaunter Pinjaman/Pemulangan PATMA.

Akhbar Harian

Perpustakaan melanggan enam akhbar harian utama untuk rujukan pelanggan. Akhbar-akhbar tersebut ditempatkan di ruang baca aras 3.

Koleksi

Koleksi bahan-bahan PATMA terletak di aras 2 dan 3 Perpustakaan. Hanya buku-buku di aras 2 boleh dipinjam manakala bahan-bahan di aras 3 adalah untuk rujukan di dalam Perpustakaan sahaja.

Koleksi Am

Perpustakaan mempunyai buku-buku akses terbuka dalam semua bidang mengenai pengajian Melayu. Terdapat juga koleksi Melayu-Polinesia seperti Melayu Surinam, Sri Lanka, Afrika, Australia Barat dan Taiwan. Koleksi ini terletak di aras 2 dan boleh dipinjam mengikut kelayakan ahli.

Koleksi Rujukan

Ditempatkan di aras 3, koleksi ini mengandungi bahan-bahan rujukan berkenaan alam Melayu yang terdiri daripada atlas, kamus, ensiklopedia, direktori, bibliografi, indeks, abstrak dan buku panduan.

Koleksi Terbitan Bersiri

Koleksi ini ditempatkan di aras 3. Sebahagian daripada jurnal-jurnal di dalam koleksi ini merupakan naskhah kedua kepada sejumlah jurnal yang terdapat di Perpustakaan Tun Seri Lanang. Senarai judul koleksi ini boleh diakses melalui laman web PATMA.

Koleksi Tesis dan Latihan Ilmiah

Ditempatkan di aras 3, koleksi ini menempatkan tesis dari universiti-universiti dalam dan luar negara mengenai beberapa bidang yang berkaitan, serta latihan ilmiah pra-siswazah mengenai beberapa bidang yang berkaitan, serta latihan ilmiah pra-siswazah mengenai kesusasteraan Melayu dari Jabatan Persuratan Melayu, UKM. Senarai judul koleksi ini juga boleh dilihat melalui laman web PATMA.

Koleksi Media

Mengandungi bahan-bahan seperti slaid, mikrofilem dan mikrofis, pita video dan audio, multimedia, dan CD-ROM. Semua bahan serta peralatan untuk membaca ada disediakan di aras 3.

Koleksi Khas

Koleksi istimewa PATMA ini menempatkan lebih 18,000 bahan Koleksi N.A. Halim (termasuk 7,736 keping gambar, 7,983 keping slaid, 600 keping pelan dan peta, 2,000 naskhah buku dan jurnal), lebih kurang 5,400 naskhah buku nadir yang berkaitan dengan Pengajian Alam dan Tamadun Melayu, lebih kurang 3,000 naskhah buku sastera Sunda, 873 cakera padat dan buku dalam Koleksi Wiramanja, 125 naskhah koleksi Melayu terbitan pra 1955 dan 44 naskhah bahan dalam Koleksi Saad Shukri. Semua bahan ini ditempatkan di dalam Bilik Koleksi Khas di aras 3. Senarai tiap-tiap koleksi disediakan untuk rujukan pelanggan.

Keratan Akhbar

Perpustakaan juga menyimpan koleksi keratan akhbar mengenai pengajian Melayu daripada Berita Harian dan Utusan Malaysia sejak tahun 1986 hingga 2000. Keratan akhbar dalam bentuk mikrofilem ditempatkan bersama Koleksi Melayu yang lain.

Perpustakaan Undang-undang



Pengenalan

Sejarah penubuhan Perpustakaan Undang-Undang bermula dengan penubuhan cawangan dan koleksinya pada bulan Mac 1985 di Perpustakaan Tun Seri Lanang. Kini cawangan ini telah memperolehi bangunannya sendiri dan mula beroperasi sebagai Perpustakaan Cabang pada bulan Jun 1996.

Penubuhan Perpustakaan Undang-Undang adalah untuk menampung keperluan pelajar dan pensyarah Fakulti Undang-Undang di samping memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang memerlukan bahan undang-undang.

Pada dasarnya Perpustakaan Undang-Undang memiliki koleksi yang terdiri daripada statut, laporan undang-undang, bahan terbitan bersiri, buku teks dan buku am undang-undang. Perpustakaan Undang-Undang juga memiliki Koleksi Hooker, latihan ilmiah oleh pelajar-pelajar Fakulti Undang-Undang dan Koleksi Pandang Dengar.

Selari dengan perkembangan teknologi, Perpustakaan Undang-Undang menyediakan beberapa pangkalan data yang boleh diakses secara dalam talian dan juga dalam bentuk CD-ROM.

Waktu Pembukaan

Semasa Semester			
Isnin - Khamis	8.00 pagi	-	10.00 malam
Jumaat	8.00 pagi	-	12.15 tengahari
	2.45 petang	-	10.00 malam
Sabtu	9.00 pagi	-	2.00 petang
Ahad	9.00 pagi	-	2.00 petang
Sabtu Pertama & Ketiga		-	TUTUP
Cuti Antara Semester			
Isnin - Khamis	8.00 pagi	-	5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi	-	12.15 tengahari
	2.45 petang	-	5.00 petang
Sabtu	9.00 pagi	-	2.00 petang
Sabtu Pertama & Ketiga		-	TUTUP
Ahad & Cuti Umum		-	TUTUP

Keahlian

Semua pendaftaran keahlian luar dipusatkan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, manakala keahlian bagi pelajar dan kakitangan UKM boleh dibuat di Perpustakaan Undang-Undang.

Perkhidmatan

Pinjaman/Pemulangan

Perkhidmatan pinjaman/pemulangan ini adalah terhad kepada buku-buku am undang-undang sahaja. Kelayakan meminjam :

Kategori	Bil. Buku Yang Boleh Dipinjam	Tempoh
1. Kakitangan Akademik/ Pegawai Universiti/Tutor	25 buah	30 hari
2. Pensyarah Sambilan/ Tutor Sambilan/Profesor Pelawat	10 buah	30 hari
3. Skim Khidmat Sementara/ Pembantu Penyelidik/ Jurutunjuk	3 buah	14 hari
4. Pelajar Pasca Siswazah	5 buah	14 hari
5. Pelajar Pra Siswazah	3 buah	7 hari
6. Kakitangan Sokongan	2 buah	7 hari
7. Ahli Korporat (maksima 10 orang)	2 buah	14 hari
8. Ahli/Pelajar Luar	2 buah	7 hari

Pinjaman Melalui Mesin Layan Diri (Selfcheck)

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan sebuah mesin pinjaman yang membolehkan pelanggan meminjam bahan secara layan diri, tanpa berurusan di Kaunter Pinjaman. Panduan menggunakannya disediakan berhampiran mesin berkenaan.

Pinjaman Bahan Tanda Merah

Bahan-bahan daripada koleksi ini boleh dipinjam selama dua jam sahaja. Pembaharuan pinjaman dibenarkan sekiranya tidak ada tempahan oleh pelanggan lain. Perkhidmatan pinjaman bermalam adalah seperti berikut:

Semasa Sesi			
Isnin - Jumaat	4.30 petang	-	9.45 malam
Sabtu	11.30 pagi	-	1.30 petang
Ahad	11.30 pagi	-	1.30 petang
Cuti Antara Semester			
Isnin - Jumaat	3.00 petang	-	4.30 petang

Peminjam bertanggungjawab penuh ke atas bahan yang dipinjam. Buku yang dipinjam hendaklah dikembalikan sebelum atau pada tarikh yang tercatat di dalam buku. Pelanggan yang lewat memulangkan buku akan dikenakan denda sebanyak 10 sen sehari bagi setiap bahan. Selain dari denda ini, penalti akan dikenakan sebanyak RM10.00 seminggu atau sebahagiannya. Pelanggan dibenarkan memperbaharui pinjaman secara dalam talian melalui **Gemilang Web Gateway** sebanyak 3 kali. Pembaharuan secara dalam talian hanya boleh dilakukan sebelum tarikh buku seharusnya dipulangkan.

Bagi buku Tanda Merah, peminjam yang lewat memulangkannya akan dikenakan denda sebanyak 50 sen sejam atau sebahagiannya.

Perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan perkhidmatan ini bagi membantu para pelanggan mendapatkan bahan atau maklumat dalam bidang undang-undang yang diperlukan. Pelanggan yang memerlukan perkhidmatan ini boleh mengajukan pertanyaan kepada kakitangan yang bertugas di Meja Pertanyaan di aras 2, kakitangan kaunter atau Pustakawan.

Perkhidmatan Pencarian Maklumat

Untuk memberi perkhidmatan ini, Perpustakaan Undang-Undang menyediakan beberapa pangkalan data iaitu :

- **Koleksi Digital yang mengandungi pangkalan-pangkalan data:**

- Akta Persekutuan
- Artikel Undang-undang Malaysia
- Enakmen Negeri-negeri
- Kes Mahkamah Malaysia
- Perundangan Negeri
- Perundangan Persekutuan
- Rang Undang-undang

Koleksi Digital UKM boleh diakses di alamat <http://ptsldigital.ukm.my>

- **Pangkalan Data Yang Dilanggan**

- LAWNET
- LEXIS/NEXIS
- CLJ Legal Network
- WestLaw International

- **Penerbitan-Penerbitan Elektronik Lain (CD-ROM)**

- Bankruptcy Handbook: Forms on Disc
- British Company Law Library
- British Tax Guide
- CCH Electronic Library
- Encyclopedia of Forms and Precedents on CD-ROM
- Halsbury's Laws Consolidated Index
- Justice

Malaysian Court Forms in Civil Proceedings
Mallalís Digest on CD-ROM
Refworld
Singapore and Malaysian Case Law Libraries
Statute of Malaysia on CD-ROM

Bengkel Kemahiran Maklumat

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan kelas-kelas kemahiran maklumat untuk membantu para pelajar mempelajari cara-cara mendapatkan maklumat. Kelas-kelas ini wajib dihadiri oleh pelajar-pelajar baru tahun 1 tetapi kelas boleh juga diadakan atas permintaan. Kelas-kelas yang ditawarkan adalah:

LS581: Bengkel Kemahiran Maklumat Undang-Undang - Sumber Maklumat Elektronik

LS582: Bengkel Kemahiran Maklumat Undang-Undang - Sumber Maklumat Bercetak

Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)

Permintaan salinan foto diadakan bagi kes-kes daripada laporan undang-undang dan artikel-artikel daripada jurnal yang tiada di Perpustakaan. Borang PAP boleh didapati di Kaunter Pinjaman. Bayaran akan dikenakan mengikut caj yang dikenakan oleh perpustakaan pembekal.

Penyebaran Maklumat Terkini

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan Senarai Perolehan (maklumat mengenai perolehan buku baru yang dikeluarkan pada setiap 2 bulan), Senarai Akta, Senarai Akta (Reprint) dan Senarai Jurnal untuk rujukan pelanggan. Senarai ini ditempatkan di Kaunter Pinjaman/Pemulangan Perpustakaan.

Lokar

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan kemudahan sewa lokar berkunci dengan bayaran RM3.00 sebulan. Urusan penyewaan boleh dibuat di Kaunter Pinjaman/Pemulangan.

Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain

Antara perkhidmatan lain yang disediakan di Perpustakaan Undang-Undang ialah perkhidmatan Internet dan reprografi. Perpustakaan juga menyediakan beberapa komputer untuk pelajar menaip tugasan. Bayaran yang dikenakan ialah RM1.00 sejam.

Koleksi

Buku Am

Buku undang-undang yang boleh dipinjam ditempatkan di rak terbuka di aras 1 sebagai Koleksi Buku Am Undang-Undang. Nombor panggilan bagi buku-buku ini diberi awalan `Cí. Terdapat juga buku bukan undang-undang yang ditempatkan di Perpustakaan Undang-Undang. Buku-buku ini ditempatkan di Koleksi Buku Am Undang-Undang di diberi awalan `21í.

Buku Teks

Buku teks undang-undang adalah buku-buku yang tersenarai dalam senarai bahan bacaan asas bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan di Fakulti Undang-Undang. Buku-buku ini diletakkan di rak rujuk dan ditanda dengan pelekat hijau. Ia hanya boleh dirujuk di dalam Perpustakaan sahaja.

Bahan Rujukan

Bahan-bahan rujukan diberi awalan `rují dan bahan-bahan bibliografi dan indeks pula diberi awalan `ZZí. Koleksi ini ditempatkan di aras 1 berhadapan dengan Kaunter Pinjaman. Koleksi ini terdiri daripada indeks, bibliografi, kamus, buku tahunan, contoh borang mahkamah dan lain-lain.

Buku Tanda Merah

Buku-buku yang telah dikenalpasti sebagai bahan yang kerap dirujuk tetapi bilangan naskhahnya adalah terhad, diletakkan di Koleksi Tanda Merah. Penggunaannya terhad untuk dua jam sahaja atau bermalam.

Statut

Bahan-bahan yang dikelaskan sebagai statut adalah akta, akta pindaan, ordinan, perundangan/peraturan, enakmen, warta kerajaan dan perbahasan parlimen. Bahan-bahan ini ditempatkan di aras 2 dan diberi awalan `Aí.

Laporan Undang-Undang

Laporan Undang-Undang terdiri daripada koleksi kes-kes mahkamah yang dilaporkan atau tidak dilaporkan dan *digestí*. Bahan-bahan ini ditempatkan di aras 2 dan di beri awalan `Bí.

Jurnal Undang-Undang

Kesemua jurnal undang-undang kini dan kebelakangan disusun di rak mengikut abjad judul. Senarai judul jurnal ditampal di bahagian depan panel rak untuk membantu pelanggan mengesan judul dengan cepat.

Tesis Sarjana dan PhD

Bahan-bahan ini adalah untuk rujukan sahaja dan boleh diperolehi di kaunter.

Latihan Ilmiah

Bahan-bahan ini hanya boleh dirujuk dalam bentuk mikrofis/mikrofilem. Pelanggan perlu merujuk senarai latihan ilmiah dan bahan boleh didapati melalui kaunter.

Bahan-Bahan Seminar

Bahan-bahan seminar yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan diberi awalan 2 Semí dan diikuti dengan 3Cí. Bahan-bahan ini ditempatkan di Koleksi Rujukan.

Koleksi Hooker

Koleksi ini merupakan koleksi tertutup yang ditempatkan di Bilik Koleksi Hooker di aras 2. Bahan-bahan ini dahulunya merupakan koleksi Prof. M.B. Hooker, seorang pengkaji undang-undang adat. Setiap bahan diberi awalan 231 pada nombor panggilannya. Bahan ini adalah untuk rujukan sahaja dan pelanggan tidak boleh membawa keluar bahan dari bilik tersebut.

Bilik Perbincangan

Perpustakaan Undang-Undang menyediakan 2 Bilik Perbincangan di aras 2. Pelanggan boleh menggunakan bilik-bilik ini dengan mendaftar/menempah di Kaunter Pinjaman/Pemulangan.

Ruang Bacaan Ringan

Pengguna boleh membaca suratkhbar, majalah popular atau novel di ruang ini. Ruang Bacaan Ringan berada di aras 1 berhadapan dengan Kaunter Pinjaman/Pemulangan.



Perpustakaan Dr. Abdul Latiff

Pengenalan

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff UKM (PDAL) telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk memberi perkhidmatan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (1991) dan Fakulti Pergigian (1996). Perpustakaan ini dikenali dengan nama Perpustakaan Perubatan sejak ia mula ditubuhkan dan mulai 25 November 2005, perpustakaan ini secara rasminya telah bertukar nama kepada Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Objektif utama penubuhannya adalah untuk membina koleksi bahan-bahan serta memberi perkhidmatan maklumat dalam bidang Perubatan, Sains Kesihatan dan Pergigian bersesuaian dengan tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UKM Kampus Kuala Lumpur. Bangunan 3 tingkat PDAL dengan keluasan 3716 meter persegi menyediakan kira-kira 400 tempat membaca.

Keahlian Perpustakaan

1. Keahlian terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan UKM yang berdaftar.
2. Individu luar yang berminat juga boleh mendaftar sebagai ahli dan dikenakan bayaran yuran tahunan.
3. Pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Perkhidmatan Maklumat, aras 2 Perpustakaan Dr. Abdul Latiff.
4. Bagi pengguna dari Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) serta Perpustakaan-Perpustakaan Cabang kecuali Perpustakaan HUKM, mereka perlu mendaftar semula sebagai ahli di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
5. Bagi pengguna Perpustakaan Dr. Abdul Latiff yang ingin membuat pinjaman di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan-Perpustakaan Cabang kecuali Perpustakaan HUKM, mereka perlu mendaftar sebagai ahli perpustakaan berkenaan.

Kategori Keahlian, Yuran dan Kelayakan Pinjaman

Semua pelajar, kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia serta pelanggan yang berdaftar sebagai ahli Perpustakaan layak menggunakan segala kemudahan Perpustakaan.

Keahlian Pelajar dan Kakitangan UKM

Kategori Pelanggan	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Pegawai dan Kakitangan Akademik UKM/Tutor	Percuma	Percuma	25 buah/30 hari	1 buah/7 hari
2. Kakitangan Sokongan UKM	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	1 buah/2 jam/ Bermalam
3. Pelajar Pra Siswazah Sepenuh Masa (PJJ & PKL)	Percuma	100	5 buah/14 hari	1 buah/2 jam/ Bermalam
4. Pelajar Siswazah (PJJ & Diploma Lanjutan)	Percuma	200	10 buah/30 hari	1 buah/7 hari
5. Akademik Sambilan	Percuma	-	10 buah/30 hari	1 buah/14 hari
6. Pembantu Penyelidik	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	1 buah/2 jam/ Bermalam
7. Alumni UKM	50.00	100/Sem.	2 buah/14 hari	-
8. Pesara UKM	50.00	100/Sem.	2 buah/14 hari	-

Keahlian Luar Perpustakaan

Kategori Pelanggan	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Ahli Akademik IPTA	50.00	100	2 buah/14 hari	-
2. Kakitangan Kerajaan	50.00	100	2 buah/14 hari	-
4. Pelajar IPTS	50.00	100	3 buah/14 hari	-
5. Pelajar IPTA	100.00	200	3 buah/14 hari	-
5. Individu/Ahli Luar	200.00	400	2 buah/14 hari	-
6. Ahli Harian	20.00	-	-	-

Ahli akademik, pelajar IPTA dan IPTS terpilih serta kakitangan kerajaan dibenarkan membuat rujukan dengan membawa surat pengesahan/sokongan daripada perpustakaan masing-masing atau membawa kad matrik institusi masing-masing.

Waktu Pembukaan

Semasa Semester			
Isnin - Jumaat	8.00 pagi	-	8.00 malam
Sabtu	9.00 pagi	-	2.00 petang
Ahad	TUTUP		
Cuti Antara Semester			
Isnin - Jumaat	8.00 pagi	-	6.00 petang
Sabtu	8.00 pagi	-	2.00 petang
Ahad	TUTUP		

Perpustakaan akan ditutup pada Hari kelepasan Am Negeri/Persekutuan. Sekiranya bulan Ramadhan jatuh dalam waktu sesi pengajian dan cuti antara semester, Perpustakaan akan ditutup pada 6.00 petang.

Perkhidmatan

Pinjaman dan Pemulangan

Semua ahli Perpustakaan yang berdaftar (berdasarkan kategori) adalah layak untuk meminjam atau merujuk bahan-bahan serta menggunakan segala kemudahan yang terdapat di Perpustakaan. Perkhidmatan ini membenarkan pelanggan meminjam bahan untuk satu jangkamasa tertentu berdasarkan kategori. Pelanggan diminta menunjukkan kad kampus/ahli kepada kakitangan bertugas setiap kali ingin meminjam bahan atau ingin menggunakan kemudahan yang disediakan.

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan

Perkhidmatan ini disediakan kepada kakitangan akademik/ikhtisas/pentadbiran dan pelajar pascasiswazah. Perkhidmatan ini menawarkan pinjaman bahan dan mendapatkan artikel daripada perpustakaan lain bagi bahan yang tidak terdapat di perpustakaan. Perkhidmatan ini boleh dibuat secara atas talian dengan melayari <http://lib.hukm.ukm.my> atau boleh didapati di Bahagian Perkhidmatan Maklumat, aras 2, Perpustakaan. Bagi perkhidmatan pembekalan penerbitan, pemohon akan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM2.00 bagi setiap artikel.

Katalog Awam Dalam Talian

Katalog Awam Dalam Talian (OPAC) yang dikenali sebagai GEMILANG disediakan bagi memudahkan pelanggan mengesan buku yang terdapat di dalam Perpustakaan. Ianya mengandungi rekod asas yang memberi maklumat lengkap bahan perpustakaan dan membolehkan seseorang bahan itu diperolehi dengan cepat. Ianya juga boleh dicapai dengan melayari laman web: <http://gemilang.ukm.my>.

Tempahan Bahan

Pelanggan boleh menempah bahan melalui Internet dengan syarat bahan berkenaan sedang dipinjam oleh pelanggan lain. Perkhidmatan ini boleh didapati dengan melayari GEMILANG di alamat <http://gemilang.ukm.my>. Pembatalan terhadap tempahan juga boleh dibuat melalui GEMILANG. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi masa 7 hari untuk meminjam buku tersebut di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di aras 2.

Pembaharuan Pinjaman Secara Atas Talian

Pelanggan juga boleh memperbaharui pinjaman mereka melalui Internet dengan menggunakan GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan belum lewat, bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain dan tidak mempunyai denda yang belum berbayar. Pembaharuan hanya boleh dilakukan 3 kali sahaja dan hendaklah dibuat sebelum tarikh pemulangan.

Laman Web Perpustakaan

Laman web perpustakaan ini boleh diakses dengan melayari <http://www.medic.ukm.my/PDAL/>. Ia bertujuan untuk memberi maklumat berkenaan organisasi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Terdapat juga capaian-capaian kepada laman web Perpustakaan lain di seluruh Malaysia termasuk capaian kepada web Portal Perpustakaan HUKM.

Pencarian Maklumat Melalui Internet

Perkhidmatan ini terbuka kepada semua pelanggan berdaftar Perpustakaan. Ianya memberi kemudahan kepada para pelanggan untuk mendapatkan maklumat dalam bidang Perubatan, Pergigian dan Sains Kesihatan yang terkini secara atas talian. Pelanggan boleh melayari Portal Perpustakaan HUKM di alamat <http://lib.hukm.ukm.my> dan mendaftar sebagai ahli portal untuk menggunakan portal tersebut dalam mencari bahan dan mendapatkan maklumat yang terkini dalam bidang yang berkaitan. Perkhidmatan ini disediakan di Makmal Multimedia di aras 2. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, pelanggan dikehendaki mengisi buku daftar dan meninggalkan kad matrik di kaunter Makmal Multimedia.

Kemudahan

Makmal Multimedia

Pelanggan boleh menggunakan Makmal Multimedia untuk mencapai bahan dari Internet termasuk pangkalan data dalam talian dan e-mel. Pelanggan juga boleh menggunakan Makmal Multimedia untuk membaca CD-ROM multimedia dan sebagainya yang diperolehi dari Perpustakaan. Untuk menggunakan Makmal Multimedia ini pelanggan perlu mendaftar pada buku daftar yang disediakan.

Fotokopi

Perkhidmatan secara layan diri ini dikendalikan oleh pihak swasta yang dilantik oleh Universiti. Perkhidmatan ini disediakan di aras 1.

Pameran Buku Baru

Pameran ini meliputi buku-buku terpilih yang baru diterima oleh pihak Perpustakaan. Buku tersebut akan dipamerkan selama 2 minggu di ruang pameran buku baru di aras 2. Buku-buku ini tidak dibenarkan dipinjam sewaktu pameran tetapi boleh ditempah melalui GEMILANG.

Akhbar Harian

Perpustakaan melanggan beberapa akhbar harian seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The New Straits Times dan Nanyang Siang Pau. Akhbar-akhbar tersebut ditempatkan di ruang baca di aras 2. Pelanggan hanya dibenarkan membaca akhbar di ruang berkenaan sahaja.

Perkhidmatan Lokar

Perpustakaan menyediakan kemudahan sewa lokar berkunci dengan kadar bayaran RM5.00 sebulan dan RM5.00 bagi bayaran cagaran kunci. Pelanggan akan dibekalkan kunci lokar dan perlu diserahkan kepada pihak Perpustakaan apabila ingin menamatkan sewaan dan mendapatkan kembali wang deposit. Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan lokar ini dengan mendaftar di Pejabat Ketua Perpustakaan di aras 2 pada waktu pejabat.

Bilik Karel

Bilik karel/bilik perbincangan disediakan di aras 1 dan 2, Perpustakaan. Tiada sebarang bayaran dikenakan bagi menggunakan kemudahan ini.

Koleksi

Koleksi Am

Koleksi akses terbuka ini terdiri daripada buku-buku teks dalam bidang Perubatan, Sains Kesihatan dan Pergigian di samping buku-buku dalam bidang perkara umum seperti agama, teknologi maklumat dan sebagainya. Bahan-bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh ahli Perpustakaan berdasarkan kelayakan kategori masing-masing.

Koleksi Rujukan

Koleksi ini mempunyai awalan eRují pada nombor panggilan buku dan ditempatkan di aras 2, Perpustakaan. Ia mengandungi bahan-bahan rujukan seperti kamus, istilah, ensiklopedia, buku tahunan, almanak, sumber data, buku peta, dan sebagainya. Bahan-bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan dalam Perpustakaan sahaja.

Koleksi Tanda Merah

Koleksi ini ditempatkan di bahagian kaunter pinjaman di aras 2. Koleksi ini mengandungi bahan-bahan yang disyorkan oleh pensyarah untuk menjadi bacaan dan rujukan utama pelajar. Bahan-bahan dari koleksi ini boleh dipinjam selama dua (2) jam sahaja atau bermalam.† Kakitangan akademik pula dibenarkan meminjam bahan tersebut selama seminggu. Pembaharuan pinjaman dibenarkan sekiranya tidak ada tempahan oleh pelanggan lain.†

Koleksi Jurnal

Koleksi ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu jurnal kebelakangan dan jurnal kini. Koleksi ini mengandungi jurnal-jurnal dalam bidang perubatan, sains kesihatan serta berkaitan. Jurnal kebelakangan adalah jurnal yang telah lengkap setnya dan dijilidkan mengikut isu dan tahun terbitannya. Manakala jurnal kini pula adalah jurnal isu terkini atau jurnal yang masih belum lengkap isunya untuk dijilid. Jurnal kebelakangan ditempatkan di aras 1, manakala jurnal kini ditempatkan di aras 2. Bahan-bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam Perpustakaan sahaja. Koleksi Jurnal Popular pula diletakkan di ruang baca di aras 2.

Koleksi Bacaan Ringan

Koleksi ini ditempatkan di aras 3, mengandungi bahan-babah bacaan ringan, umum dan popular yang sesuai dibaca oleh semua golongan atau peringkat. Bahan-bahan ini boleh dibaca di ruang bacaan sudut ini sahaja dan dibenarkan untuk dipinjam seperti buku-buku di Koleksi Am. Koleksi ini juga dilengkapi dengan majalah-majalah popular yang telah siap dijilid.

Koleksi Khas, Arkib dan Dokumen

Koleksi ini terdiri daripada bahan dokumen yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia dan agensi dibawahnya, kerajaan tempatan, badan berkanun dan bahan terbitan luar negara. Koleksi ini juga menempatkan bahan mengenai sejarah dan perkembangan UKM termasuk karya ahli-ahli akademik dan pelajar seperti seminar, tesis dan latihan ilmiah. Ianya juga mengandungi laporan tahunan dan risalah.

Koleksi Media/Multimedia

Mengandungi bahan pandang dengar dalam bentuk pita video VHS dan U-matik, slaid, kit, kaset, filem, filem 16 mm, filem loop, filem strip dan sebagainya. Bahan-bahan tersebut hanya untuk digunakan dalam Perpustakaan sahaja. Koleksi multimedia pula mengandungi bahan dalam bentuk CD-ROM, cakera laser, disket serta pakej multimedia yang telah dimuatkan dalam cakera padat (CD). Bahan-bahan ini boleh didapati di Makmal Multimedia di aras 2, Perpustakaan.



Perpustakaan Hospital UKM

Pengenalan

Perpustakaan Hospital UKM (PHUKM) beroperasi mulai 14 Julai 1997 selaras dengan penubuhan Hospital UKM. Bermatlamat untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Kampus Kesihatan serta menyokong keperluan maklumat para profesional perubatan di dalam memberi rawatan kepada pesakit di Hospital UKM. PHUKM terletak di aras 3, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Jaafar, Hospital UKM, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur.

PHUKM beriltizam mempertingkatkan perkhidmatan kepada semua kategori pelanggannya tidak kira sama ada di kalangan ahli akademik, pelajar, profesional perubatan atau kakitangan dalam kategori bukan perubatan. Pustaka Maya Perubatan HUKM yang dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 11 Februari 2000, merupakan suatu usaha Perpustakaan untuk merealisasikan konsep 'Perpustakaan Tanpa Dinding'. Perkhidmatan Pustaka Maya ini kini dipertingkatkan lagi menjadi sebuah Portal yang membolehkan sumber maklumat bidang Perubatan dan Sains Kesihatan dapat dicapai dari pelbagai lokasi serta diuruskan dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan. Portal Perpustakaan ini boleh dicapai di alamat <http://lib.hukm.ukm.my>. Semua pelanggan perlu melalui proses pendaftaran secara dalam talian terlebih dahulu sebelum boleh menggunakan perkhidmatan ini.

Waktu Pembukaan

Sepanjang Sesi Pengajian

Isnin - Jumaat	8.00 pagi	-	10.00 malam
Sabtu	9.00 pagi	-	2.00 petang
Ahad	TUTUP		

Perpustakaan ditutup pada hari Sabtu minggu pertama dan pada hari-hari kelepasan am Persekutuan/Negeri. Waktu pembukaan ini juga adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan.

Keahlian

Semua kakitangan dan pelajar UKM adalah layak untuk mendaftar sebagai ahli PHUKM. Bagi pelanggan yang telah mendaftar sebagai ahli di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan-Perpustakaan Cabang lain **kecuali** Perpustakaan Perubatan Kampus Kuala Lumpur, mereka diperlukan untuk mendaftar semula sebagai ahli di PHUKM untuk mendapatkan kelayakan pinjaman bahan.

Perkhidmatan

Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan

Kelayakan pinjaman bahan adalah berbeza mengikut kategori pelanggan:

Keahlian Pelajar dan Kakitangan UKM

Kategori	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Pegawai dan Kakitangan/ Tutor UKM	Percuma	Percuma	25 buah/30 hari	1 buah/7 hari
2. Pelajar Pra Siswazah Sepenuh Masa UKM	Percuma	100	5 buah/14 hari	1 buah 2 jam/bermalam
3. Pelajar Siswazah Lanjutan (Sarjana/ PJJ & Diploma)	Percuma	200	10 buah/30 hari	1 buah/7 hari
4. Pembantu Penyelidik	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	1 buah 2 jam/bermalam
5. Kakitangan Sokongan	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	-
6. Pegawai Lantikan Sementara	Percuma	Percuma	10 buah/30 hari	-
7. Pembantu Penyelidik	Percuma	Percuma	5 buah/14 hari	-

Keahlian Luar Perpustakaan

Kategori	Yuran Tahunan (RM)		Kemudahan Pinjaman	
	Rujukan	Pinjaman	Koleksi Am	Koleksi TM
1. Ahli Akademik IPTA*	50	100	2 buah/14 hari	-
2. Alumni UKM	50	100	2 buah/14 hari	-
3. Pesara UKM	30	100	2 buah/14 hari	-
4. Kakitangan kerajaan	50	100	2 buah/14 hari	-
5. Pelajar IPTA	50	100	2 buah/14 hari	-
6. Pelajar IPTS	100	200	2 buah/14 hari	-
7. Ahli Perseorangan/ Ahli luar	200	400	2 buah/14 hari	-
8. Ahli Harian	20	-	-	-

* Ahli akademik/pelajar IPTA dan kakitangan kerajaan dibenarkan merujuk koleksi terbuka (Koleksi Am, Koleksi Rujukan dan Koleksi Jurnal) dengan membawa surat pengesahan/sokongan daripada perpustakaan/jabatan/institusi masing-masing. Bagi pelajar IPTA/IPTS mereka dikehendaki memakai kad pelajar mereka semasa membuat rujukan di Perpustakaan.

Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik

Perkhidmatan ini adalah terbuka kepada semua pelanggan berdaftar Perpustakaan HUKM. Menyediakan kemudahan kepada para pelanggan untuk mendapatkan maklumat dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan yang terkini khususnya untuk mengakses Portal Perpustakaan. Beberapa buah stesen pencarian maklumat dalam talian disediakan di dalam Perpustakaan untuk tujuan pencarian maklumat ini. Pencetak laser juga disediakan bagi membolehkan artikel atau dokumen dicetak.

Kemudahan Makmal Multimedia

Sebuah makmal komputer yang dilengkapi dengan kemudahan Internet dan multimedia serta pencetak laser disediakan bagi pencarian maklumat daripada Pustaka Maya Perubatan HUKM iaitu meliputi perkhidmatan Pangkalan Data Teks Penuh, Pakej Pembelajaran Multimedia dan Rangkaian CD serta sumber maklumat berkaitan bidang perubatan lain. Untuk menggunakan Makmal Multimedia ini pelanggan perlu mendaftar pada buku daftar yang disediakan.

Perkhidmatan Pinjaman Layan Diri

Perpustakaan HUKM sedang memperkenalkan perkhidmatan baru iaitu pinjaman layan diri yang membolehkan para pelanggan meminjam bahan secara layan diri melalui Mesin Pinjaman Layan diri yang disediakan.

Perkhidmatan *Book Returning Unit*.

Perkhidmatan ini juga baru diperkenalkan yang membolehkan para pelanggan memulangkan bahan selepas perpustakaan ditutup melalui perkhidmatan *Book Returning Unit*

Portal Perpustakaan HUKM (Pustaka Maya Perubatan)

Merupakan perkhidmatan terkini yang membolehkan sumber maklumat elektronik dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan dapat dicapai daripada pelbagai lokasi dengan lebih mudah, cepat, cekap dan berkesan.

Pendaftaran ke Portal ini adalah secara dalam talian yang kini telah diperluaskan kepada seluruh warga Kampus UKM khususnya kepada warga Fakulti Perubatan, Sains Kesihatan Bersekutu dan Pergigian. Pendaftaran adalah terbuka kepada semua pelajar (pra siswazah dan pasca siswazah), kakitangan akademik dan pengurusan termasuk kakitangan am.

Ciri utama Portal Perpustakaan HUKM adalah membolehkan akses menggunakan konsep *single-sign on* iaitu pelanggan boleh mendaftar dengan menentukan ID dan katalaluan (password) sendiri dan menggunakan ID tersebut untuk mengakses pelbagai sumber maklumat terutamanya daripada pangkalan-pangkalan data langganan Perpustakaan.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Portal Perpustakaan HUKM adalah:

1. Pautan kepada Katalog Awam Dalam Talian GEMILANG Web Gateway.
2. Permohonan perkhidmatan secara dalam talian (online) bagi perkhidmatan:
 - a. Pinjaman Antara Perpustakaan
 - b. Pembekalan Dokumen (Penerbitan)
 - c. Cadangan Pembelian Bahan

3. Pencarian Maklumat Secara Dalam Talian (melalui Internet atau Intranet) bagi:
 - a. Pangkalan Data Langganan Perpustakaan (termasuk langganan PTSL) seperti:
 - OVID Fulltext & Medline
 - Proquest (Health and Medical Complete & ABI/INFORM Global)
 - Blackwell-Synergy (Medical & Nursing)
 - CRL Online
 - LexiComp Dental Online
 - MD-Consult
 - Nature: Encyclopedia of Life Sciences
 - Images.MD (intranet)
 - Science Direct
 - EBSCO Host
 - Micromedex (intranet)
 - Springer LINK (intranet)
 - Emerald (intranet)
 - CLJ Law
 - Lexis Nexis
 - Malaysian Lawnet
 - A to Z (Pengurusan Jurnal Langganan)
 - InfoPOEMs
 - Neurosciencenetbase
 - McGraw-Hill's Access Medicine.com
 - Thieme : Electronic Book Library
 - b. Multimedia dan rangkaian CD yang terdiri daripada lebih 30 judul pakej pembelajaran multimedia termasuk sumber rujukan seperti ensaiklopedia.

Mulai 1 Jun 2006 akses kepada perkhidmatan Portal Perpustakaan HUKM hanya terhad kepada pelanggan dalaman (pelajar dan kakitangan UKM) sahaja.

Bagi ahli luar yang ingin mendaftar sebagai ahli serta mendapat akaun mengakses kepada Portal ini, kadar yuran tahunan yang dikenakan adalah seperti berikut:

1. Individu (dari institusi kerajaan) - RM300.00 setahun
2. Individu (dari institusi swasta) - RM800.00 setahun

Portal Perpustakaan HUKM boleh dicapai di alamat <http://lib.hukm.ukm.my>

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) / Pembekalan Penerbitan (PP)

Perkhidmatan ini disediakan kepada kakitangan akademik/ikhtisas/ pentadbiran dan pelajar pasca siswazah (sarjana). Melalui perkhidmatan ini, Perpustakaan akan meminjam bahan daripada perpustakaan lain sama ada di antara cabang di UKM ataupun daripada perpustakaan luar. Bagi perkhidmatan PAP, borang khas disediakan dan perlu dilengkapkan dengan maklumat yang tepat. Melalui perkhidmatan PP pula, pihak Perpustakaan akan mendapatkan artikel daripada perpustakaan luar sama ada dari dalam atau luar negara. Pemohon perlu juga melengkapkan maklumat artikel yang ingin dipohon. Permohonan untuk pembekalan penerbitan ini juga boleh dilakukan secara dalam talian melalui Portal Perpustakaan HUKM.

Kemudahan

Lokar

Kemudahan ini disediakan kepada semua pelanggan Perpustakaan. Pelanggan boleh menyewa lokar dengan bayaran RM5.00 deposit (boleh tebus) bersama dengan RM5.00 secara bulanan. Pelanggan akan dibekalkan kunci lokar yang perlu diserahkan kembali apabila ingin menamatkan sewaan dan menebus kembali wang deposit.

Fotokopi

Kemudahan mesin fotokopi secara layan diri yang dikendalikan oleh syarikat swasta juga disediakan. Pelanggan boleh membeli kad foto daripada operator yang bertugas.

Kemudahan Internet

Semua komputer di dalam Perpustakaan disediakan dengan kemudahan Internet. Perpustakaan juga mempunyai kemudahan WIFI.

Ruang membaca 24 jam

Ruang yang terletak di hadapan pintu masuk Perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan WIFI dan pengguna juga disediakan dengan ruang yang selesa untuk perbincangan berkumpulan.

Koleksi

PHUKM mempunyai lebih daripada 50,000 buah buku dan jurnal berjilid serta 130 judul jurnal perubatan dan majalah popular di dalam koleksinya. Langganan secara elektronik pula meliputi lebih 1,100 judul jurnal bidang perubatan dan yang berkaitan.

Koleksi Am

Koleksi akses terbuka ini terdiri daripada buku-buku teks dalam bidang bahasa dan kesusasteraan (termasuk fiksyen), perubatan dan berkaitan di samping buku-buku bidang perkara umum seperti pengurusan, teknologi maklumat dan agama. Bahan-bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh pelanggan dengan kelayakan pinjaman berdasarkan kategori masing-masing.

Koleksi Tanda Merah

Mengandungi buku teks yang disyorkan oleh pensyarah untuk bacaan dan rujukan utama pelajar. Terdapat di dalam koleksi ini juga adalah beberapa judul jurnal bidang perubatan yang popular. Polisi pinjaman bagi koleksi ini adalah seperti mana yang telah digariskan mengikut kategori pelanggan.

Koleksi Tesis

Menempatkan tesis pasca siswazah dalam bidang perubatan. Bahan-bahan tersebut hanya untuk rujukan sahaja.

Koleksi Rujukan

Mengandungi bahan-bahan seperti kamus, ensiklopedia dan buku panduan dalam bidang perubatan dan berkaitan termasuk juga bahan rujukan dalam bidang perkara umum. Bahan tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam Perpustakaan sahaja.

Koleksi Terbitan Bersiri

Mengandungi jurnal dan majalah dalam bidang perubatan dan berkaitan. Koleksi ini ditempatkan berdasarkan dua kategori iaitu jurnal kebelakangan dan jurnal kini. Jurnal kebelakangan adalah jurnal yang telah lengkap setnya dan dijilid mengikut isu dan tahun terbitannya. Manakala jurnal kini adalah jurnal yang masih belum lengkap isu atau setnya untuk dijilid. Koleksi ini hanya untuk rujukan di dalam Perpustakaan sahaja.

Koleksi Media/Multimedia

Mengandungi bahan-bahan pandang dengar dalam bentuk pita video, slaid, kit dan kaset. Bahan adalah untuk kegunaan di dalam Perpustakaan sahaja. Sebuah bilik tayangan yang boleh menampung lebih 30 orang pelanggan dan dilengkapi dengan peralatan multimedia dan tayangan juga disediakan. Tempahan bilik tayangan boleh dibuat di kaunter Bahagian Media PHUKM pada waktu pejabat.

Perpustakaan HUKM adalah di dalam proses membangunkan koleksi multimedia seperti CAL (Computer Assisted Learning) selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. Koleksi ini merangkumi bahan-bahan dalam bentuk CD-ROM, cakera laser serta pakej multimedia sama ada dimuatkan ke dalam cakera keras atau *server* di Perpustakaan. Bahan-bahan ini boleh digunakan di dalam Makmal Multimedia Perpustakaan.

Koleksi Khas/Dokumen

Koleksi ini terdiri daripada bahan-bahan seperti:

1. Dokumen terbitan badan-badan kerajaan dan badan antarabangsa seperti WHO dan sebagainya.
2. Koleksi Tesis Sarjana, Fakulti Perubatan yang ditempatkan dalam Koleksi Tanda Merah Perpustakaan.

Direktori Aras Perpustakaan Tun Seri Lanang

Aras 6	Bahagian Perolehan Bahagian Katalog Bahagian Koleksi Arkib, Galeri & Khas Koleksi Khas Koleksi Arkib UKM
Aras 5	Bahagian Pentadbiran & Kualiti Bahagian Koleksi Asia Tenggara & Dokumen Bahagian Sistem & Teknologi Maklumat Koleksi Am Koleksi Asia Tenggara Koleksi Dokumen Koleksi Pasca Siswazah
Aras 4	Bahagian Perkhidmatan Pelanggan Bahagian Perkhidmatan Maklumat Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan Kaunter Pinjaman/Pemulangan Koleksi Arab dan Tamadun Islam Koleksi Tanda Merah Koleksi Haram Koleksi Rujukan Koleksi Sudut Bacaan Ringan siber@ptsl
Aras 3	Bahagian Pengurusan Jurnal & Jilidan Bilik Karel Bilik Perbincangan Koleksi Jurnal Mahkamah Moot Ruang Akhbar Harian Bahagian Jilidan Unit Percetakan
Aras 2	Bahagian Koleksi Media Koleksi Media dan Koleksi Peta Bilik Serbaguna Bilik Tayangan Bilik Rehat Kakitangan

Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan Perpustakaan 2007-2008

Penasihat

Encik Abu Bakar Maidin
Ketua Pustakawan UKM

Penyelaras

Puan Hafsah Mohd
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Program Pembangunan Sumber

Encik Tusiman Mingun
Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Puan Lela Ruzma Mohd Shaari
Ketua Bahagian Pengurusan Jurnal & Jilidan

Puan Maimunah Kadir
Ketua Perpustakaan HUKM

Puan Noraini Omar
Ketua Perpustakaan Undang-Undang

Puan Faizah Mohd. Zain
Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff

Puan Aripah Mohamed
Ketua Perpustakaan Alam & Tamadun Melayu

Encik Wan Suhaimi Ariffin
Perpustakaan HUKM

Semua Ketua-Ketua Bahagian

Reka Bentuk dan Foto

Pusat Penerbitan dan Percetakan